

"WAHAI orang-orang yang beriman! Janganlah kamu dilalaikan oleh urusan harta benda kamu dan anak pinak kamu daripada mengingati Allah dengan menjalankan perintah-Nya. Dan ingatlah sesiapa yang melakukan demikian, maka mereka itulah orang-orang yang rugi. Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang kami berikan kepada kamu sebelum seseorang daripada kamu sampai ajal maut kepadanya. Kalau tidak maka ia pada saat itu akan merayu dengan katanya : Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang salih".

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Munaafiqun, ayat 9-10.

TANGGUNGJAWAB BERSAMA JAYAKAN WAWASAN BRUNEI 2035

Oleh : Muhammad Khairulanwar
Ali Rahman
Foto : Ihsan Balai Kenangan
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien,
Pejabat Kebawah Duli Yang Maha
Mulia, Istana Nurul Iman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Jun. - Kita kini berada pada fasa pelaksanaan *blueprint* yang telah ditetapkan untuk mencapai Wawasan Brunei 2035, satu mercu tanda penting bagi negara dalam tempoh kurang daripada satu dekad.

Kejayaan ini bergantung kepada kebijaksanaan dan ketegasan kepimpinan baharu serta kesepaduan dan tanggungjawab bersama di kalangan ahli-ahli Menteri Kabinet.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian dalam Titah Perutusan Khas sempena Rombakan dan Pelantikan, Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri Yang Baharu 2026 di Istana Nurul Iman.

Dalam rombakan kabinet ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan beberapa perubahan utama iaitu pelantikan paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam setelah mengambil kira kecenderungan dan pendedahan awal dalam sistem pentadbiran kerajaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga memperkenankan pelantikan tiga Menteri Penyelaras (Coordinating Ministers) iaitu Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara yang bertanggungjawab dalam menyelaras dan memperkukuhkan usaha-usaha semua kementerian dalam sama-sama melindungi keselamatan negara; Menteri Penyelaras bagi Dasar-dasar Ekonomi yang bertanggungjawab dalam menyelaras usaha kepelbagaian ekonomi bersama kementerian - kementerian yang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan Khas sempena Rombakan dan Pelantikan, Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri Yang Baharu 2026 di Istana Nurul Iman.

dipertanggungjawabkan untuk menerajui sektor-sektor keutamaan; dan Menteri Penyelaras bagi Dasar-dasar Sosial dan Tenaga Manusia yang bertanggungjawab dalam menyelaras kementerian-kementerian dalam aspek dasar sosial negara, pembangunan modal insan, isu pekerjaan dan kesejahteraan masyarakat.

Dalam titah, Kebawah DYMM juga memperkenankan penyusunan semula portfolio Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan diubah namanya menjadi Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri. Penyusunan semula ini adalah untuk mempercepatkan pembangunan sektor keutamaan dan juga untuk memperkukuh usaha kepelbagaian, demi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta pencapaian peluang

pekerjaan yang bermakna.

Kebawah DYMM juga bertitah, mengekalkan beberapa orang Menteri untuk meneruskan tugas dan peranan mereka yang sedia ada demi menjamin kesinambungan dan kestabilan.

"Kenaikan pangkat beberapa Timbalan Menteri kepada Menteri penuh untuk mengukuhkan sektor-sektor keutamaan dan menjamin keselamatan negara dan melantik tiga Timbalan Menteri yang baharu dengan harapan mereka akan dapat membawa perspektif dan idea baharu," titah baginda.

Terdahulu, Kebawah DYMM menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat keamanan, kedamaian dan kestabilan yang dikecapi oleh Negara Brunei Darussalam selama ini.



Berita Utama



RIMEC'26 : Memperkukuh jaringan kerjasama serantau, memperkasa peranan media Islam

Muka 10



5 keluarga terima sumbangan YSHHB

Muka 11



NBD komited memperkukuh kerjasama kastam serantau

Muka 17



INFO Teknologi

TEKNOLOGI tanpa wayar : Merevolusi 'connectivity' dan gaya hidup digital

Muka 27

Kenaikan pangkat pegawai kanan kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Jun. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perintah bagi Timbalan Pengarah Biro Mencegah

Rasuah (BMR), Syed Azmal bin Syed Ali dilantik dan dinaikkan pangkat sebagai Pengarah BMR.

Tarikh pelantikan dan kenaikan pangkat pegawai kanan berkenaan berkuat kuasa mulai Khamis, 17 Zulhijah 1447 Hijrah bersamaan dengan 4 Jun 2026 Masihi.

JBP terus diperkasa melalui teknologi, kesiapsiagaannya operasi

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wassalaatu Wassalaamu
'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala
Aalihee Wasahbihee Ajma'een,
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, dan Salam Sejahtera.

ALHAMDULILLAH marilah kita sama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya kita dapat hadir dalam Upacara Perbarisan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) Ke-66.

Pada masa yang sama, sambutan ini juga bertepatan dengan Hari Bomba Sedunia (World Firefighters' Day) yang disambut pada setiap 4 Mei iaitu sebagai pengiktirafan terhadap komitmen, keberanian dan pengorbanan anggota bomba dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Sambutan ini bukan sahaja sebagai satu penghargaan terhadap sejarah dan pencapaian jabatan ini selama 66 tahun, malah menjadi wadah untuk warga Bomba dan Penyelamat bermuhasabah diri, memperkukuh iltizam serta meningkatkan komitmen selaras dengan amanah yang dipertanggungjawabkan dalam menjaga keselamatan awam di negara ini.

Di kesempatan ini peramba / saya sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga

JBP atas komitmen, pengorbanan dan dedikasi yang tidak pernah mengenal penat lelah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, demi memastikan keselamatan nyawa dan harta benda di negara ini sentiasa terpelihara. Sesungguhnya, peranan yang digalas oleh jabatan ini amat penting sebagai barisan hadapan dalam memberikan pelbagai bentuk bantuan kecemasan kepada masyarakat, selaras dengan tanggungjawab utama menjaga kesejahteraan awam.

66 tahun bukanlah satu tempoh yang singkat. Ia merupakan satu perjalanan yang telah membentuk JBP sebagai sebuah institusi keselamatan awam yang teguh dan dipercayai oleh rakyat dan penduduk negara ini. Ke hadapan, jabatan ini hendaklah terus memperkukuhkan kesiapsiagaan dan keupayaannya melalui pemanfaatan teknologi yang bersesuaian, pembangunan sumber manusia kerjasama strategik antara agensi selaras dengan semangat Whole of Government dan Whole of Nation. Sikap profesionalisme, integriti, disiplin dan semangat kerja berpasukan hendaklah sentiasa diterapkan agar jabatan ini terus kekal unggul sebagai barisan hadapan dan diyakini serta dipercayai rakyat dan negara. Di kesempatan ini, peramba / saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan strategik, agensi-agensi kerajaan dan swasta yang sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama kepada jabatan ini.

Seiring dengan perkembangan semasa, cabaran yang dihadapi oleh JBP adalah semakin mencabar. Impak perubahan iklim, kepesatan teknologi, peningkatan risiko kebakaran hutan dan belukar serta kejadian bencana alam kini menjadi semakin kompleks dan dinamik serta perlu ditangani dengan sebaik-baiknya iaitu melalui gabungan barisan anggota yang cekap dan terlatih serta kesiapsiagaan aset yang tinggi. Dalam keadaan cuaca yang tidak menentu kebelakangan ini, orang ramai juga dinasihatkan untuk sentiasa berwaspada dan sentiasa memastikan langkah-langkah pencegahan sentiasa dipatuhi bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.

Alhamdulillah dengan pembekalan jentera-jentera bomba secara pajak sewa jenis Water Tender Ladder (WRL) yang telah diterima oleh JBP, kini telah mula menunjukkan impak dalam memperkukuhkan keberkesanan operasi serta memperbaiki pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) jabatan, khususnya dari segi kecekapan masa tindak balas (*response time*) dalam menangani insiden kebakaran dan kecemasan. Seperti mana dimaklumi, setakat ini sebanyak 10 daripada 30 buah jentera WRL telah dibekalkan pada bulan November 2025 dan telah ditempatkan di balai-balai bomba di seluruh negara berdasarkan keutamaan serta tahap risiko kawasan, sekali gus meningkatkan keupayaan operasi, memperkukuhkan keberkesanan pengerahan jentera serta mempercepatkan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman berucap pada Upacara Perbarisan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) Yang Ke-66 Tahun pada Khamis, 7 Mei 2026 yang berlangsung di Padang Kawad, Ibu Pejabat JBP, Berakas.

tindak balas terhadap insiden kecemasan. Sukacita dikongsikan bahawa semasa insiden gangguan bekalan air yang berlaku baru-baru ini, jentera WRL telah turut dikerahkan bagi membantu usaha pengisian air di lokasi-lokasi strategik, sekali gus mencerminkan kesiapsiagaan jabatan dalam menyokong operasi bantuan kemanusiaan serta memastikan kesinambungan perkhidmatan penting kepada orang ramai.

>> Muka 10

WAKTU SEMBAHYANG										
JUN MASIHI	HARI	ZULHIJAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
6	SABTU	19	4.33	4.43	6.07	6.31	12.20	3.45	6.31	7.46
7	AHAD	20	4.33	4.43	6.07	6.31	12.20	3.46	6.31	7.46
8	ISNIN	21	4.33	4.43	6.07	6.31	12.20	3.46	6.31	7.47
9	SELASA	22	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.46	6.31	7.47
10	RABU	23	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.46	6.32	7.47
11	KHAMIS	24	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.47	6.32	7.48
12	JUMAAT	25	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.47	6.32	7.48

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan 34 26 °C	34 26 °C	33 24 °C	
Pekan Bangar 34 26 °C	34 26 °C	33 24 °C	
Pekan Tutong 34 26 °C	34 26 °C	33 24 °C	
Kuala Belait 34 26 °C	34 26 °C	33 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

6 JUN 2026

Laut bersih tanggungjawab semua

LAUT merupakan anugerah alam yang amat berharga kepada kehidupan manusia dan hidupan lain di bumi. Ia bukan sahaja menjadi sumber makanan, malah turut menyumbang kepada ekonomi, pelancongan dan keseimbangan ekosistem dunia.

Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab masyarakat untuk bersama-sama menjaga kebersihan laut. Tanggungjawab berkenaan bukan hanya dipikul oleh satu pihak sahaja sebaliknya perlu digalas bersama oleh semua lapisan masyarakat.

Pada masa kini, laut semakin tercemar akibat pelbagai sebab selain sikap manusia yang tidak bertanggungjawab. Pencemaran laut berlaku akibat pelbagai aktiviti manusia yang tidak bertanggungjawab serta kurangnya kesedaran terhadap kepentingan menjaga alam sekitar.

Antara punca utama laut tercemar ialah pembuangan sampah sarap secara tidak terkawal. Selain itu, sikap segelintir masyarakat yang membuang plastik, botol, dan sisa pepejal ke dalam sungai atau terus ke laut menyebabkan laut menjadi kotor dan berbahaya kepada hidupan marin.

Manakala, aktiviti perindustrian juga menyumbang kepada pencemaran laut. Sisa kimia dan bahan toksik daripada kilang yang tidak dirawat dengan sempurna sering dialirkan ke sungai sebelum sampai ke laut. Bahan berbahaya berkenaan boleh merosakkan ekosistem laut dan mengancam kehidupan organisma akuatik.

Di samping itu, tumpahan minyak daripada kapal laut dan aktiviti perkapalan turut menjadi punca utama pencemaran. Minyak yang tumpah ke permukaan laut akan menghalang oksigen daripada sampai ke dalam air, sekali gus membahayakan ikan dan hidupan laut yang lain.

Akibat pencemaran berkenaan, hidupan laut seperti ikan, penyu dan terumbu karang turut terancam. Jika keadaan berkenaan berterusan, generasi akan datang mungkin tidak lagi dapat menikmati keindahan dan kekayaan laut seperti hari ini.

Oleh itu, setiap individu memainkan peranan penting dalam menjaga kebersihan laut. Selain itu, pihak kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) juga perlu memperketat undang-undang serta mengadakan kempen kesedaran tentang kepentingan menjaga laut.

Di samping itu, pendidikan alam sekitar di sekolah juga amat penting bagi membentuk generasi yang lebih prihatin terhadap alam sekitar.

Laut bersih adalah tanggungjawab semua. Jika kita saling bekerjasama dan mempunyai kesedaran yang tinggi, kita mampu menjaga khazanah laut untuk diwariskan kepada generasi akan datang.

Kesimpulannya, pencemaran laut boleh dikurangkan melalui pengurangan sisa, pengurusan sampah yang baik, kawalan terhadap pencemaran industri, dan peningkatan kesedaran masyarakat. Kerjasama semua pihak amat penting untuk memastikan laut kekal bersih dan selamat untuk generasi akan datang. - **Ketua Penyuntingan (Sb)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدیرین برحد، نکارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

PELANTIKAN MENTERI KABINET, TIMBALAN MENTERI

Oleh : Muhammad Khairulanwar
Ali Rahman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.



PEHIN Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.



DATO Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.



DATO Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.



DATO Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.



DATO Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.



DATO Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Jun. - Dengan bertawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengisytiharkan barisan Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri yang baharu.

Dalam Titah Perutusan Khas sempena Rombakan dan Pelantikan, Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri Yang Baharu 2026 di Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan memegang portfolio sebagai Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah sebagai Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan berperanan sebagai Timbalan Pengerusi Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik

sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan akan mengekalkan peranannya sebagai Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen sebagai Menteri Hal Ehwal Luar Negeri di samping meneruskan kerjayanya dalam bidang ketenteraan. Duli Yang Teramat Mulia juga akan memainkan peranan aktif dalam Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 khususnya memacu pertumbuhan ekonomi dan perdagangan negara melalui hubungan diplomatik, kerjasama strategik dan pelaburan antarabangsa.

Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof sebagai Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara dan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga Menteri Pertahanan II.

Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin sebagai Menteri Penyelaras bagi Dasar-dasar Ekonomi dan dilantik menjadi Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, sebagai Menteri Penyelaras bagi Dasar-dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam).

Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) dan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tenaga, Huluan dan Hiliran).

Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah sebagai Menteri Kewangan II dan bertanggungjawab untuk menerajui portfolio pelaburan di dalam dan luar negara dan mengawasi prestasi syarikat-syarikat berkaitan kerajaan.

Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof sebagai Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan sebagai Menteri Hal Ehwal Ugama.

Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar sebagai Menteri Kesihatan.

Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid sebagai Menteri Pembangunan.

Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh sebagai Menteri Pendidikan.

Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos sebagai Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani sebagai Timbalan Menteri Kewangan.

Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab sebagai Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri.



PENGIRAN Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.



DATO Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.



DATO Seri Setia Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.



DATIN Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.



DATO Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.



PENGIRAN Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.



PENGIRAN Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.



DAYANG Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.



DR. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.



DATO Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

>> Muka 3

Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak sebagai Timbalan Menteri Pembangunan.

Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal sebagai Timbalan Menteri Pendidikan.

Pelantikan ini akan berkuat kuasa pada hari Khamis, 4 Jun 2026 bersamaan 17 Zulhijah 1447 Hijrah bagi tempoh selama empat tahun.

Kebawah DYMM

bertitah menyeru agar barisan Menteri Kabinet yang baharu ini berkhidmat sebagai satu pasukan, berikrar untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, mendengar kebimbangan mereka, memberi tindak balas yang cepat dengan penuh komitmen, berintegriti untuk membawa negara ke hadapan demi mencapai matlamat Wawasan 2035.

KEBAWAH DYMM ZAHIRKAN PENGHARGAAN, TERIMA KASIH

■ Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mantan ahli-ahli kabinet di atas khidmat dan jasa bakti yang

telah disumbangkan selama ini.

"Beta mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan membalas jasa dengan ganjaran pahala yang berlipat ganda serta kebahagiaan yang berterusan. Akhirnya beta menyeru semua rakyat dan penduduk di negara ini akan

sentiasa memberikan sokongan kepada barisan Menteri Kabinet dan Timbalan Menteri dalam sama-sama mencapai matlamat negara," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian hari ini dalam Titah Perutusan Khas sempena Rombakan dan Pelantikan, Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri Yang Baharu 2026 di Istana Nurul Iman.

Penubuhan jawatankuasa khas memantau, menyelaraskan langkah kesiapsiagaan negara

■ Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Jun. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan satu jawatankuasa khas dikenali sebagai Komite Kebangsaan Menangani Kesan Konflik Timur Tengah bagi memantau dan menyelaraskan langkah-langkah kesiapsiagaan negara dalam menghadapi kesan ketidakstabilan geopolitik di rantau Timur Tengah.

Kerajaan sebelum ini telah pun melaksanakan pemantauan berterusan terhadap perkembangan konflik di Timur Tengah dan potensi kesannya kepada rantaian bekalan global dan kepada negara.

Berbanding beberapa negara lain yang mengalami kesan serta-merta, Negara Brunei Darussalam (NBD) setakat ini masih dapat menangani situasi ini melalui langkah-langkah awal kerajaan, termasuk dasar simpanan stok negara, pengurusan bekalan strategik serta tindakan berkaitan yang telah dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Memandangkan ketidakstabilan geopolitik yang masih berterusan dan berpanjangan serta perkembangan semasa yang terus berpotensi memberi tekanan kepada keperluan asas harian secara menyeluruh, pihak kerajaan memperkuatkan penyelarasan antara agensi melalui penubuhan sebuah komiti khusus pada peringkat kebangsaan dengan lebih strategik dari segi pemantauan dan tindak balas.

Penubuhan Komite Kebangsaan Menangani Kesan Konflik Timur Tengah ini adalah langkah proaktif dan bersifat kesiapsiagaan bagi memastikan negara terus bersedia menghadapi sebarang kemungkinan sekiranya gangguan rantaian bekalan global berterusan atau menjadi lebih ketara kesannya kepada NBD pada masa akan datang.

Komiti ini juga akan menilai secara menyeluruh implikasi jangka sederhana dan jangka panjang terhadap sektor-sektor strategik negara serta kesejahteraan rakyat dan penduduk di NBD.

Antara sektor yang diberikan

perhatian termasuk sektor tenaga, makanan, kesihatan, pembinaan dan sektor-sektor lain yang berpotensi terjejas akibat gangguan rantaian bekalan antarabangsa.

Komiti tersebut akan dipengerusikan bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dengan keanggotaan terdiri daripada Ahli-ahli Menteri kabinet yang berkaitan bagi memastikan pendekatan Whole of Government dalam menghadapi cabaran ini.

Kerajaan akan terus memantau perkembangan semasa dengan teliti dan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi memastikan kepentingan negara, kestabilan ekonomi dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di NBD sentiasa

terpelihara. Perkembangan berkaitan dengan Komite Kebangsaan ini akan

dikongsikan dari semasa ke semasa di laman sesawang JPM.



JANGAN MUDAH MENYALAKAN LAMPU AMARAN BAHAYA (HAZARD LIGHTS)

Awda perlu ketahui bahawa ia hanya boleh dinyalakan dan digunakan atas sebab-sebab kecemasan

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

MEMPERKUKUHKAN SILATURAHIM, PUPUK SEMANGAT KEPRIHATINAN



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB menyempurnakan pengagihan daging-daging korban berkenaan (kiri). Manakala gambar kanan dan bawah kanan, sekitar majlis tersebut.

Sendirian Berhad dan TAIB Filling Station Sendirian Berhad petang tadi mengadakan Majlis Pengagihan Daging - daging Korban bertempat di Masjid Kampung Sungai Besar, Jalan Kota Batu, di sini.

Majlis tersebut merupakan salah satu kegiatan tahunan keagamaan dan kemasyarakatan yang dianjurkan oleh Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya sebagai usaha berterusan dalam menyemarakkan nilai - nilai kebajikan, memperkukuhkan hubungan silaturahim serta memupuk semangat keprihatinan dan tanggungjawab sosial selaras dengan ajaran Islam.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Turut hadir, ahli-ahli Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya; ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah Perbadanan TAIB dan IITHSB; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, selaku Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh dan



juga Ketua Kampung Subok; Penghulu Mukim Kota Batu; Ketua-ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut; Penasihat ahli jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar; para jemputan khas; pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya serta penduduk kampung sekitarnya.

Acara kemuncak majlis ialah penyampaian daging korban kepada 100 orang penerima yang terdiri daripada keluarga kurang berkemampuan di kawasan Mukim Kota Batu, khususnya dari Kampung Menunggol, Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut.

Daging korban bagi penerima lelaki telah disampaikan oleh tetamu kehormat, manakala penerima wanita menerima sumbangan tersebut daripada Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Datin Hajah Hasnah binti

Haji Ibrahim.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Muhammad Hazman bin Mohd. Hairul Azme.

Sebelum majlis pengagihan diadakan, ibadah penyembelihan korban telah dilaksanakan pada 30 Mei 2026 bertepatan dengan hari-hari Tasyrik sempena Hari Raya Aidiladha.

Secara keseluruhannya, sebanyak sembilan ekor kerbau telah dikorbankan di bawah inisiatif Korban Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya.

Daripada jumlah tersebut, dua ekor kerbau merupakan sumbangan ahli-ahli lembaga pengarah, pihak pengurusan, kakitangan serta ahli keluarga mereka, manakala tujuh ekor kerbau lagi disumbangkan oleh Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya untuk diagihkan kepada para penerima, jemputan khas serta kakitangan.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

KOTA BATU, Jumaat, 5 Jun. - Sempena sambutan Hari Raya Aidiladha, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) bersama anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad (IITHSB), Darussalam Holdings



Penerbangan ketiga jemaah haji selamat pulang ke tanah air



Menteri Hal Ehwal Ugama hadir bagi mengalu-alukan ketibaan jemaah haji NBD di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

BERAKAS, Jumaat, 5 Jun. - Seramai 252 orang jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Penerbangan Ketiga yang menaiki pesawat Diraja Brunei (Royal Brunei - RB) B14226 selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada pukul 12.50 tengah hari tadi.

Jumlah keseluruhan jemaah haji adalah termasuk tiga orang terdiri dari pegawai-pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan); 69 orang (termasuk seorang pegawai syarikat) dari Syarikat

Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB); 62 orang (termasuk dua pegawai syarikat) dari Syarikat At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd.; dan 118 orang (termasuk seorang pegawai syarikat) dari Syarikat Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd.

Hadir bagi mengalu-alukan ketibaan jemaah haji NBD di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, dan

isteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin, dan isteri; serta Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mr. Saleh bin Abdulkarim Al-Shiha.

Turut hadir Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, dan isteri; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Timbalan Setiausaha Tetap, KHEU (Dasar dan Keagamaan), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, dan isteri; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, KHEU (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Mislé bin Haji Abdul Karim; dan ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji, pengarah-pengarah dan penolong-penolong pengarah KHEU.

Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Haris bin Haji Suboh.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



TURUT hadir bagi mengalu-alukan ketibaan jemaah haji NBD, isteri Menteri Hal Ehwal Ugama (atas). Manakala gambar bawah, para jemaah haji berpeluk erat bersama ahli keluarga yang hadir di lapangan terbang.



48 WARGA KEMENTERIAN PERTAHANAN TERIMA PINGAT KERJA LAMA

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir menyempurnakan penyampaian pingat pada majlis yang diadakan di Bolkiah Garrison (atas kiri dan atas kanan).

BERAKAS, Khamis, 4 Jun. - Seramai 48 orang penjawat awam yang terdiri daripada pegawai - pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan telah menerima Pingat - pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan

Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 bagi Tahun 2025.

Majlis penyampaian pingat tersebut diadakan pagi tadi di Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison, di sini.

Penyampaian pingat berkenaan disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja

Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan, pegawai-pegawai kanan, pegawai - pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan.

Acara turut diisikan dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel

Abdul Mujib bin Haji Japar.

Pengurniaan P.K.L merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan daripada Kerajaan Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada para pegawai dan kakitangan yang telah menunjukkan dedikasi, komitmen serta kesetiaan sepanjang 20 tahun perkhidmatan,

di samping mempunyai rekod perkhidmatan yang baik, keperibadian terpuji serta penilaian prestasi pada tahap sangat baik sepanjang tiga tahun kebelakangan.

Pengurniaan ini juga diharap akan terus menjadi pemangkin semangat kepada seluruh warga awam Kementerian Pertahanan untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan dan kecemerlangan kerja dengan penuh dedikasi, setia dan amanah.

KKBS raikan 69 penerima Pingat Kerja Lama



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat serta menyampaikan pingat-pingat kepada para penerima yang diraikan (atas dan atas kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Jun. - Seramai 69 warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya pagi tadi diraikan pada Majlis Penyampaian Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 pada Tahun 2025, yang berlangsung di

Dewan Digadong, Bangunan KKBS, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan pingat-pingat kepada para penerima yang diraikan ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Atur cara dimulakan dengan Bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Ketua Guru Ugama Tingkat II, Jabatan Pembangunan Masyarakat, KKBS, Awang Haji Nuurmaatiin bin Haji

Abu Bakar.

Majlis ini bertujuan untuk menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan atas jasa dan sumbangan bakti warga KKBS kepada raja, kerajaan serta dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan.

Penyampaian pingat-pingat tersebut diharapkan dapat menjadi dorongan dan pembakar semangat kepada warga kementerian yang lain untuk terus berusaha meningkatkan mutu kerja dengan lebih gigih dan berdaya saing.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai serta kakitangan daripada KKBS.



LUPA TOKEN PSCR 2.0?



CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961)
atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENERBANGAN KEDUA JEMAAH HAJI NEGARA SELAMAT TIBA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanalk Bolkiah; Yang Berhormat Menteri Kesihatan hadir bagi mengalu-alukan ketibaan jemaah haji NBD di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

BERAKAS, Khamis, 4 Jun. - Jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Penerbangan Kedua yang menaiki pesawat Diraja Brunei (RB) BI4224 selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di sini, pada pukul 12.17 tengah hari tadi.

Jumlah keseluruhan jemaah haji termasuk Pegawai-pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan), Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB), Syarikat Dar El Ehsan Travel Sdn. Bhd. dan Syarikat Titian Travel and Tours Sdn. Bhd. adalah seramai 252 orang.

Daripada jumlah 252 tersebut, dua orang Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan); 73 orang dari DSSB; 127 orang dari Syarikat

Dar El Ehsan Travel Sdn. Bhd.; 49 orang dari Syarikat Titian Travel and Tours Sdn. Bhd.

Mengiringi jemaah haji bagi penerbangan kedua ialah Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan); Pegawai Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB); Syarikat Dar El Ehsan Travel Sdn. Bhd.; dan Syarikat Titian Travel and Tours Sdn. Bhd.

Hadir bagi mengalu-alukan ketibaan jemaah haji NBD di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman dan Datin dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan

Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanalk Bolkiah.

Turut hadir, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan Datin; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke NBD; Tuan Yang Terutama Saleh bin Abdulkarim Al-Shiha dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin.

Juga hadir, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin dan Datin; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Awang Haji Muhamad Fakhri bin Haji Mohd. Taib dan Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif.

Ketibaan jemaah haji negara turut dialu-alukan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan isteri; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji, pengarah-pengarah dan penolong - penolong pengarah

Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



ISTERI-isteri para menteri turut hadir bagi mengalu-alukan ketibaan jemaah haji (atas). Manakala gambar bawah, para jemaah haji gembira bertemu dengan ahli keluarga setelah sekian lama tidak berjumpa.

KHEU.

Pada majlis ketibaan tersebut, Doa Selamat dibacakan oleh

Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Zulkifli bin Haji Murad.



252 jemaah haji selamat kembali ke tanah air

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin hadir bagi mengalu-alukan ketibaan jemaah haji NBD (atas kanan dan atas). Sementara gambar kanan, antara jemaah haji NBD di LTAB.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Jun. - Kepulangan jemaah haji setentunya sangat dinantikan oleh ahli keluarga, saudara mara dan sahabat handai, sekali gus menandakan kesyukuran atas sempurnanya mengerjakan ibadah haji.

Jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi penerbangan pertama yang menaiki pesawat Diraja Brunei (RB) BI4222 telah selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) pada jam 12.42 tengah hari tadi.

Jumlah keseluruhan jemaah haji termasuk pegawai-pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan) dan Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB) adalah seramai 252 orang.

Daripada jumlah berkenaan, seramai tiga jemaah perempuan yang terdiri daripada pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan), sementara 101 orang termasuk seorang pegawai syarikat dari DSSB, iaitu 47 jemaah lelaki termasuk seorang pegawai syarikat dan 54 pula jemaah perempuan.

Manakala, seramai 148 jemaah

daripada Syarikat Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA), iaitu 79 jemaah lelaki dan 69 jemaah perempuan.

Hadir bagi mengalu-alukan ketibaan jemaah haji NBD di LTAB, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman dan Datin; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin dan Datin; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Mr. Saleh bin Abdulkarim Al-Shiha.

Juga hadir, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan isteri; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan isteri; serta Ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji, pengarah-pengarah dan penolong-penolong pengarah KHEU.

Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.



JPMC ADAKAN MAJLIS CERAMAH KHAS, DOA KESYUKURAN SEMPENA AIDILADHA



PENGERUSI Jawatankuasa IFH, Dr. Hisham Majid ketika menyampaikan alu-aluannya.

JERUDONG, Jumaat, 5 Jun. - Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC), melalui Jawatankuasa Ibadah Friendly Hospital (IFH) dan dengan kerjasama Gleneagles JPMC, menganjurkan Majlis Ceramah Khas, Doa Kesyukuran dan Sambutan Hari Raya Aidiladha 1447 Hijrah, bertempat di Teater Kuliah JPMC.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kesehatan, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC.

Turut hadir ialah ahli pengurusan kanan JPMC dan Gleneagles JPMC, serta kakitangan dari kedua-dua organisasi.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti Doa Kesyukuran bacaan diketuai oleh Pemangku Ketua Guru Agama JPMC, Awang Amir Ridzuan bin Haji Tengah.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengerusi Jawatankuasa IFH, Dr. Hisham Majid, menekankan kepentingan memperingati majlis-majlis Islam yang bermakna sebagai satu cara untuk mengukuhkan perpaduan, kesyukuran, dan tujuan bersama di kalangan kakitangan.

Program diteruskan dengan ceramah agama khas bertajuk 'Ibadah Korban: Sejarah dan Hikmah' yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah Pusat Pengajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan

Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Hilman bin Haji Salim.

Ceramah tersebut memberikan pandangan berharga tentang kepentingan sejarah, kebaikan, dan pengajaran di sebalik amalan ibadah korban, sambil menggalakkan peserta merenung nilai - nilai pengorbanan, keikhlasan, dan ketaatan yang wajar dicontohi melalui majlis Hari Raya Aidiladha.

Acara ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan JPMC sebagai Hospital Mesra Ibadah untuk menggalakkan kesejahteraan holistik dengan mengintegrasikan pengayaan rohani di samping pembangunan profesional dan peribadi.

Majlis diakhiri dengan sambutan Hari Raya Aidiladha, memberi peluang kepada para hadirin untuk melibatkan diri dan meraikan majlis itu dalam semangat kekeluargaan dan penghargaan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Perubatan Jerudong Park



YANG Berhormat Menteri Kesehatan selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ceramah Khas, Doa Kesyukuran dan Sambutan Hari Raya Aidiladha 1447 Hijrah yang diadakan di Teater Kuliah JPMC (atas). Sementara gambar kiri, ceramah agama khas disampaikan oleh Penolong Pensyarah Pusat Pengajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Hilman bin Haji Salim.





TUMPUKAN PERHATIAN PADA JALAN RAYA, JAUHI TELEFON BIMBIT.


WATCH THE ROAD, KEEP YOUR MOBILE PHONE AWAY.


Road Safety Depends on #YouAndMe

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

- 

1. Klik pada 'kedudukan permohonan' (application status) di bahagian atas.
- 

2. Pilih status permohonan yang ingin semak.
- 

3. Semak status permohonan anda.

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

Kerjasama dalam pemuliharaan biodiversiti marin diperkukuhkan



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa berkunjung ke reruai pada majlis tersebut (atas). Sementara gambar bawah, Profesor Madya Michelle Voyer ketika menyampaikan pembentangan.



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Jun. - Keupayaan tadbir urus lautan Australia telah dipamerkan minggu ini di Persidangan Ke Arah Melestarikan Lautan: Inovasi, Tadbir Urus dan Daya Tahan bagi Masa Depan Biru Negara Brunei Darussalam dan Persidangan Kelestarian Lautan Poni Group 2026, yang diadakan di Universiti Brunei Darussalam.

Sumbangan Australia merangkumi pemuliharaan biodiversiti marin, tadbir urus

lautan, dan sains akuakultur menekankan perkongsian erat dan berkekalan antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Australia mengenai keutamaan maritim bersama, seperti yang diiktiraf dalam Perkongsian Komprehensif dua hala 2023.

Penglibatan ini melengkapkan program kerjasama yang lebih luas yang berlangsung seiring dengan persidangan tersebut, termasuk pertukaran teknikal mengenai akuakultur mampan dan keselamatan makanan.

Antara pembentangan termasuk ucapnama oleh Dr. Manuel Gonzalez Rivero daripada Institut Sains Marin Australia (AIMS); bengkel ekonomi biru dan pembentangan oleh Profesor Madya Michelle Voyer daripada Pusat Nasional Australia untuk Sumber dan Keselamatan Lautan (ANCORS); dan pembentangan mengenai pengurusan taman marin oleh Bianca Priest daripada Jabatan Perubahan Iklim, Tenaga, Alam Sekitar dan Air Australia (DCCEEW).

Australia dan NBD adalah negara maritim yang bangga, berkongsi komitmen terhadap persekitaran maritim yang stabil,

Siaran Akhbar dan Foto : Suruhanjaya Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam

terbuka dan berdaya tahan, serta menyokong pengurusan lautan kerjasama berterusan untuk yang mampan di rantau ini.

MEMPERKUKUH MASA DEPAN DIGITAL NEGARA

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Jun. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) hari ini telah mengadakan Sesi Dialog Digital Brunei 2030 (DB2030) dengan tema 'Bersama Menuju Digital Brunei', yang menghimpunkan pemimpin daripada kerajaan, industri, akademik, dan komuniti untuk membincangkan pelaksanaan praktikal agenda digital kebangsaan Brunei Darussalam di bawah Wawasan Brunei 2035.

Sesi dialog diadakan di Dewan Cesar Grand, Tingkat 8, Hotel Mulia, Kampung Anggerek Desa, yang mencerminkan usaha kolektif negara untuk menukar pelan Digital Brunei 2030 yang baharu diterbitkan kepada tindakan nyata dan hasil yang boleh diukur, yang akan membentuk masa depan digital negara.

Ia juga menandakan peralihan yang sengaja daripada penetapan hala tuju kebangsaan kepada penyampaian hasil yang bermakna.

Ini berdasarkan asas yang dibina melalui Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, termasuk infrastruktur sambungan, pembayaran digital, dan keupayaan identiti digital kebangsaan, Digital Brunei 2030 kini memberi penekanan yang lebih besar kepada pengalaman digital yang lancar, dipercayai, dan berpusatkan rakyat yang meningkatkan interaksi harian antara rakyat, perniagaan, dan kerajaan.

Hadir sebagai tetamu kehormat ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Acara ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof, selaku Setiausaha Majlis Digital Brunei, yang menekankan pentingnya kerjasama berterusan, penyertaan seluruh rakyat, dan tanggungjawab bersama dalam memajukan cita-cita digital Brunei Darussalam.

Selepas itu diteruskan dengan satu taklimat bertajuk 'Digital Brunei 2030: Bersama Menuju Digital Brunei' disampaikan oleh Ketua Bahagian Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Pengiran Dr. Adrian bin Pengiran Salleh Ab. Rahaman.

Taklimat tersebut menggariskan bagaimana DB2030 menggabungkan empat strategi yang saling berkaitan, iaitu Kerajaan Digital, Masyarakat Digital, Perniagaan Digital, dan Data serta Kecerdasan Buatan, ke dalam satu kerangka kerja yang bersatu untuk transformasi digital negara.

Dalam pelan ini, pembangunan platform dan infrastruktur digital kebangsaan adalah keutamaan, direka untuk dikongsi dan diperkasakan di seluruh kerajaan berbanding dibangunkan secara berasingan oleh agensi-agensi individu.

Ini termasuk aplikasi Gov.BN sebagai pintu masuk tunggal untuk perkhidmatan kerajaan, BruneiID sebagai platform identiti digital kebangsaan yang dilancarkan pada Januari 2026, dan Kod QR Kebangsaan untuk pembayaran tanpa tunai.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Sesi Dialog Digital Brunei 2030 (DB2030) dengan tema 'Bersama Menuju Digital Brunei'.

Platform-platform ini turut diperkukuh melalui pelaburan dalam keupayaan digital berdaulat, termasuk pembangunan Pusat Data berkemampuan Kecerdasan Buatan (AI), National Sovereign Cloud, dan National Large Language Model yang bertujuan memperkukuh daya tahan digital negara, meningkatkan keupayaan teknologi, dan memastikan kawalan strategik ke atas aset data negara.

Kesemua inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan digital, memudahkan transaksi, memperkukuh perkhidmatan awam, meningkatkan kepercayaan terhadap sistem digital, dan mewujudkan peluang lebih besar untuk inovasi, keusahawanan, dan pertumbuhan ekonomi.

Taklimat turut menggariskan pelan pelaksanaan dari 2026

hingga 2030, termasuklah mekanisme tadbir urus yang diketuai oleh Majlis Digital Brunei dan disokong oleh jawatankuasa khas yang bertanggungjawab untuk penyelarasan dasar, pemantauan pelaksanaan, dan penajaran teknikal di seluruh kementerian dan pihak berkepentingan bagi memastikan pengiraman yang berkesan dan akauntabiliti.

Sejurus selepas taklimat diteruskan dengan sesi panel bertajuk 'Memacu Masa Depan Digital Brunei', dikendalikan oleh Pengarah Urusan Confer Sendirian Berhad, Allen Lai.

Panel ini mengumpulkan pandangan dari pelbagai sektor untuk meneroka bagaimana Digital Brunei 2030 boleh diterjemahkan kepada hasil yang boleh diukur, bagaimana Brunei Darussalam dapat kekal adaptif di tengah

perkembangan teknologi pesat seperti AI, dan bagaimana perniagaan, institusi, dan komuniti dapat secara aktif menyumbang untuk mencapai aspirasi digital negara.

Sesi dialog ini bertujuan menjadi yang pertama dalam siri penglibatan berterusan, di mana maklum balas, pandangan, dan pengalaman pihak berkepentingan akan membantu membentuk keutamaan pelaksanaan dan menyokong penambahbaikan berterusan terhadap agenda digital kebangsaan.

Sesi berakhir dengan segmen rangkaian yang memberi peluang kepada peserta untuk bertukar idea, mengukuhkan kerjasama, dan memupuk peluang kerjasama demi menyokong Brunei Darussalam yang lebih terhubung, inklusif, selamat, dan berdaya digital.

RIMEC'26 : MEMPERKUKUH JARINGAN KERJASAMA SERANTAU, MEMPERKASA PERANAN MEDIA ISLAM

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Jun. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Teknologi Islam dan Fakulti Usuluddin dengan kerjasama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Datastream Digital Sdn.

Bhd. (DST) serta Pusat Da'wah Islamiah (PDI) menganjurkan Persidangan Media Islam Serantau 2026 (RIMEC'26) selama tiga hari bermula 2 hingga 4 Jun 2026 di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkihah (BKISHHB).

Bertemakan 'Da'wah dan Media Islam dalam Era Digital : Cabaran, Peluang dan Transformasi', persidangan berkenaan menghimpunkan ahli akademik, pengamal media serta penyelidik dari dalam dan luar negara bagi membincangkan perkembangan media Islam dalam menghadapi era pendigitalan semasa.

Persidangan berkenaan turut membincangkan transformasi model dakwah daripada pendekatan konvensional kepada pendekatan digital yang lebih dinamik, interaktif dan berorientasikan data tanpa mengabaikan prinsip serta nilai syariah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri (Urustadhir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Turut hadir, Timbalan Mufti Kerajaan, Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin; Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Pemangku Setiausaha Tetap (Urustadhir Perkhidmatan Awam), di JPM, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali; serta Penolong-penolong Mufti Kerajaan.

Juga hadir, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini bin Atan; dan Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Yang Berbahagia Profesor Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil.

Dekan Fakulti Teknologi Islam, UNISSA, Profesor Dr. Haji Abdul Hafidz bin Haji Omar dalam ucapan alu-aluannya menekankan bahawa perkembangan teknologi seperti Kecerdasan Buatan (AI), media sosial dan platform digital telah mengubah landskap komunikasi serta menimbulkan cabaran termasuk penyebaran maklumat palsu, manipulasi persepsi dan budaya tular.

Namun katanya, media digital juga dilihat sebagai peluang besar untuk memperluas dakwah, menyampaikan ilmu dan membina naratif Islam yang sahih, progresif serta berautoriti.

Sementara itu, Ketua Pengarah IKIM dalam ucapannya antara lain menjelaskan mengenai keperluan transformasi media Islam agar lebih strategik, kreatif dan proaktif dalam menghadapi



YANG MULIA Timbalan Menteri (Urustadhir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) hadir selaku tetamu kehormat (kiri dan atas). Manakala gambar bawah kiri, Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Yang Berbahagia Profesor Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil semasa berucap.

cabaran dunia digital yang dipenuhi berita palsu, fitnah dan persaingan naratif.

Jelasnya melalui pengajaran sejarah Islam, umat Islam diseru untuk menguasai ilmu, teknologi dan komunikasi moden serta membangunkan Halal Media Hub sebagai ekosistem media serantau yang berteraskan kebenaran, adab, nilai Islam dan tanggungjawab sosial.

RIMEC'26 turut menentengahkan pameran daripada pelbagai institusi akademik, agensi kerajaan, media Islam, syarikat industri dan platform digital berkaitan dakwah, teknologi serta inovasi pendidikan Islam.

Antara pempamer yang mengambil bahagian ialah IKIM Malaysia, Fakulti Usuluddin, UNISSA; Fakulti Teknologi Islam, UNISSA; Pusat Perkhidmatan

Digital, UNISSA; DST, PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Nur Islam FM, Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB); Think Osem Sdn. Bhd. (Malaysia) dan Brunei Ubni Sdn. Bhd.

Penganjuran RIMEC'26 diharap dapat menjadi platform strategik dalam memperkukuh jaringan kerjasama serantau serta memperkasa peranan media Islam dalam menyampaikan maklumat yang sahih, beretika dan berteraskan nilai-nilai Islam sejajar dengan perkembangan teknologi semasa.

Persidangan berkenaan juga mencerminkan komitmen UNISSA dalam membudayakan penyelidikan, memperluas jaringan akademik dan menyokong pembangunan ekosistem media Islam yang lebih profesional, inovatif dan berwibawa.

Mendepani era transformasi teknologi, AI

Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Jun. - Persidangan Media Islam Serantau 2026 (RIMEC'26) diteruskan dengan penganjuran forum bertemakan 'Media Digitalization : Challenges and Opportunities for Islamic Media' yang berlangsung di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkihah, hari ini.

Forum tersebut diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat majlis, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan

bin Haji Zainal.

Turut hadir ialah Ketua Pengarah, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Yang Berbahagia Profesor Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil; Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman dan Naib Presiden Hal Ehwal Korporat, Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Dayang Hajah Safrina binti Pehin Dato Haji Abdul Rahman.

Forum ini merupakan antara

pengisian utama RIMEC'26 yang bertujuan membincangkan perkembangan digitalisasi media serta cabaran dan peluang yang dihadapi oleh media Islam dalam mendepani era transformasi teknologi, Kecerdasan Buatan (AI) dan perubahan corak komunikasi masyarakat global.

Forum berkenaan menampilkan barisan ahli panel berpengalaman, terdiri daripada Pengarah Pusat Media IKIM, YBrs. Haji Ahmad Fuad bin Mat Ali; Timbalan Dekan Fakulti Teknologi Islam, UNISSA, Profesor Madya Dr. Dayang Hajah Tiawa binti Awang Haji Hamid; Pensyarah Adjung, Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, UNISSA, Dr. Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus dan Penerbit TV serta Pengarah Kreatif IKIM, Norhafizah binti Razaq.

Manakala, moderator forum ialah Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik (SYARAK), IKIM, YBrs. Dr. Nik Roskiman bin Abdul Samad.

Menerusi forum ini, perbincangan turut menyentuh kepentingan media Islam dalam menyampaikan maklumat yang sahih, beretika dan berwibawa di tengah-tengah kepesatan arus media digital masa kini.

Selain itu, forum ini juga berkongsi pandangan dan pengalaman berkaitan peranan



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal hadir selaku tetamu kehormat di forum berkenaan.

media Islam dalam menghadapi cabaran semasa seperti penyebaran maklumat tidak sahih, perubahan algoritma media sosial, penggunaan teknologi baharu, literasi digital masyarakat serta keperluan menghasilkan kandungan dakwah yang lebih kreatif, inklusif dan berimpak tinggi.

Forum ini diharap dapat menjadi platform ilmiah dan profesional bagi membincangkan pendekatan media Islam yang lebih progresif, kompetitif dan responsif terhadap perkembangan landskap media global masa kini.

Penganjurannya turut

membuka ruang perkongsian idea, pengalaman dan amalan terbaik dalam memperkukuh peranan media Islam sebagai medium dakwah, pendidikan serta pembentukan pemikiran masyarakat yang seimbang, berinformasi dan berteraskan nilai-nilai Islam.

Secara keseluruhannya, forum ini mencerminkan komitmen RIMEC'26 dalam memperkasa wacana media Islam serantau serta menyokong pembangunan ekosistem media yang lebih profesional, beretika, inovatif dan relevan dengan keperluan masyarakat kontemporari.



BARISAN ahli panel pada forum tersebut yang bertemakan 'Media Digitalization : Challenges and Opportunities for Islamic Media'.

5 KELUARGA TERIMA SUMBANGAN YSHHB

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Ihsan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkih



TIMBALAN Menteri Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkih (YSHHB) hadir menyempurnakan Majlis Penyampaian Sumbangan tersebut di ibu pejabat YSHHB (atas dan atas kiri).

جايتن فرانتخون ايكونومي دان ساتابستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHAL PENGGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"



Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Jun. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkih (YSHHB) hari ini menyampaikan sumbangan keseluruhannya berjumlah BND30,800 kepada lima buah keluarga yang terlibat dalam kebakaran di beberapa buah kampung.

Majlis Penyampaian Sumbangan diadakan di Ibu Pejabat, YSHHB, dan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Penerima-penerima sumbangan berkenaan ialah Dayangku Rafika binti Pengiran Haji Abd. Rahman dari Kampung Madang; Dayang Siti Jauyah binti Haji Mohamad dari Kampung Mulaut; Awang Muhammad Isa bin Abdullah Angin dari Kampung Rambai; Awang Haji

Mohammad Anwarri bin Abdullah dari Kampung Sungai Mau dan Awang Aminuddin bin Haji Hussain dari Kampung Sungai Buloh.

Salah seorang penerima iaitu Awang Haji Mohammad Anwarri bin Abdullah, bukan sahaja menerima bantuan kebakaran, malah turut menerima sumbangan pengurusan jenazah Allahyarhamah ibunda beliau yang terkorban dalam kejadian kebakaran tersebut.

Dalam kesempatan ini, YSHHB turut merakamkan ucapan takziah dan rasa simpati kepada keluarga Allahyarhamah serta mendoakan agar mereka dikurniakan ketabahan dan kekuatan dalam menghadapi dugaan tersebut.

Penubuhan YSHHB ialah sebagai wadah amal jariah dan derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat baginda, sebagai tanda pemeduliaan dan kasih sayang baginda terhadap rakyat serta ke arah pembentukan masyarakat Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Selaras dengan hasrat murni penubuhannya, YSHHB sentiasa menzahirkan keprihatinan terhadap golongan yang kurang bernasib baik, termasuk mereka yang ditimpa musibah seperti kebakaran rumah. Sumbangan yang disampaikan itu merupakan bantuan segera yang dihasratkan dapat meringankan beban mangsa serta membantu mereka meneruskan kehidupan seharian.

HALUAN

>> Muka 2

Selain itu, usaha memperkukuhkan kesiapsiagaan infrastruktur kebombaanan turut dilaksanakan melalui projek pemuliharaan sebanyak 700 buah pili bomba di seluruh negara. Fasa pertama projek ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2024, diikuti dengan fasa kedua yang bermula pada 23 Disember 2025, termasuk penggantian 30 buah pili bomba di kawasan Kampong Ayer. Alhamdulillah, keseluruhan projek ini telah siap pada bulan Februari tahun ini. Di samping itu, projek ini turut melibatkan pelaksanaan sistem penandaan (*tagging*) bagi mengenal pasti lokasi pili-pili bomba dengan lebih sistematis melalui penggunaan aplikasi pemetaan digital. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan pengesanan lokasi pili bomba semasa operasi, malah turut menyumbang kepada keberkesanan tindak balas kecemasan secara amnya.

Peramba / saya menyambut baik usaha JBP ke arah menerokai penggunaan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) serta memperkasa dan memanfaatkan teknologi dalam pengurusan jabatan termasuk latihan simulasi operasi kebombaanan bagi mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan. Selain itu, JBP juga telah pun melaksanakan penggunaan *dashboard* melalui platform digital seperti Power BI dan Notion bagi memantau serta mengurus aset kenderaan dan peralatan kebombaanan yang digunakan di Pusat Gerakan 995.

Penggunaan teknologi sedemikian bukan sahaja meningkatkan kecekapan operasi kebombaanan, malah turut

mempercepatkan proses penilaian dan pembuatan keputusan dalam menghadapi sebarang situasi kecemasan. Usaha ke arah memperkasakan teknologi ini adalah pada menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan baginda pada tahun ini, yang menekankan kepentingan memanfaatkan teknologi AI secara inklusif dan beretika demi pembangunan masyarakat. Peramba / saya percaya bahawa usaha-usaha berterusan ini mencerminkan komitmen jabatan dalam menyampaikan perkhidmatan yang lebih responsif, efisien dan berdaya saing, demi keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta penduduk negara ini.

Dalam konteks ini, peramba / saya mengalu-alukan usaha dan perancangan JBP dalam mempertingkatkan tahap kesiapsiagaan dan kesediaan operasional secara berterusan. Sepanjang tahun 2026, pihak jabatan telah merancang untuk menganjurkan dan menyertai lima sesi latihan dan *exercise* yang melibatkan pelbagai agensi bagi memastikan akan keupayaan operasi jabatan sentiasa berada pada tahap optimum. Latihan berbentuk *Tabletop Exercise* (TTX) dan *Field Training Exercise* (FTX) adalah bertujuan untuk menilai keberkesanan jabatan dalam tindak balas dan membuat keputusan (*decision making*) berbanding Standard Operating Procedure (SOP), serta menguji koordinasi antara agensi dalam menangani pelbagai insiden kecemasan, termasuk yang bersifat rentas sempadan.

Dalam konteks ini, eksekutif rentas

sempadan bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang dijadualkan pada bulan September tahun ini merupakan satu inisiatif penting dalam memperkukuhkan kerjasama dua hala, dari peringkat pengurusan atasan hingga ke anggota di lapangan. Di samping itu, kerjasama bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Syarikat Brunei Shell Petroleum dalam latihan kebombaanan dan penyelamatan, termasuk *industrial firefighting*, operasi menyelamat di kawasan hutan dengan kerjasama dari Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) juga turut memperkukuhkan kesiapsiagaan dalam menghadapi insiden yang lebih kompleks.

Di peringkat komuniti dan dalam aspek memperkukuhkan kesedaran awam terhadap kepentingan peranan serta pemerikasaan penglibatan komuniti sebagai *first responder* bagi insiden kecemasan dan kebakaran, peramba / saya menyambut baik usaha berterusan JBP dalam melaksanakan pelbagai Outreach Program keselamatan kebakaran di seluruh negara.

Peramba / saya difahamkan bahawa bagi tempoh tahun 2023 sehingga Mac 2026, seramai 88,667 orang telah mengikuti pelbagai program kesedaran keselamatan kebakaran yang merangkumi taklimat, Kursus Lifesaver 995, Kursus Fire Marshal, lawatan ke balai-balai serta latihan kebakaran bangunan. Selain itu, seramai 99 orang penghulu mukim dan ketua kampung telah dilatih bagi memperkukuhkan peranan kepimpinan komuniti dalam kesiapsiagaan awal, manakala pelaksanaan Kursus Fire Marshal turut memainkan peranan penting dalam memastikan pemantauan keselamatan kebakaran di peringkat premis

dilaksanakan secara sistematik dan berterusan.

Sehubungan itu, peramba / saya menggesa para penghulu mukim dan ketua kampung untuk terus memainkan peranan secara proaktif dalam meningkatkan kesedaran, kesiapsiagaan serta langkah-langkah pencegahan kebakaran di peringkat komuniti masing-masing. Di samping itu, sebanyak 1,529 program kesedaran komuniti telah dilaksanakan, termasuk 896 sesi taklimat dan 634 program Lifesaver 995, manakala 407 orang telah dilatih sebagai *first responder*. Perkembangan ini mencerminkan komitmen berterusan JBP dalam memperluaskan kesedaran, memperkukuh kesiapsiagaan masyarakat serta membudayakan tindakan awal dalam menghadapi sebarang insiden kecemasan.

Akhir kata, peramba / saya sekali lagi sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada seluruh warga JBP sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Penubuhan yang Ke-66 ini, atas jasa bakti *biskita* yang dicurahkan tanpa mengenal penat lelah. Marilah kita sama-sama memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar seluruh pegawai dan anggota sentiasa dikurniakan kekuatan, kesihatan dan perlindungan dalam melaksanakan amanah yang dipikul. Kepada anggota-anggota bomba yang telah kembali ke rahmatullah, marilah kita sedekahkan Surah Al-Fatihah, semoga roh mereka dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama para syuhada dan solihin. Amin, Ya Rabbal 'Alamin.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

MAJLIS PENGHARGAAN JAYAKAN PERSIDANGAN RIMEC'26

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal hadir selaku tetamu kehormat di Persidangan Media Islam Serantau 2026 (RIMEC'26), Majlis Apresiasi RIMEC'26 di Rizqun International Hotel (atas dan kanan).

GADONG, Rabu, 3 Jun. - Dalam menghargai sumbangan, komitmen dan penyertaan para peserta, pembentang, rakan strategik serta pihak yang terlibat dalam menjayakan Persidangan Media Islam Serantau 2026 (RIMEC'26), Majlis Apresiasi RIMEC'26 telah diadakan di Rizqun International Hotel, malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Turut hadir, Ketua Pengarah,

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Yang Berbahagia Profesor Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil dan Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.

Pada majlis itu, ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Dekan Fakulti Usuluddin, UNISSA, Profesor Dato' Dr. Mohd. Fakhruddin bin Abdul Mukti yang menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama dalam menjayakan

penganjuran RIMEC'26 sebagai platform ilmiah yang menghimpunkan ahli akademik, penyelidik, pengamal media dan institusi berkaitan dari dalam dan luar negara.

Beliau juga menekankan bahawa media Islam perlu bergerak seiring dengan perkembangan teknologi seperti Kecerdasan Buatan (AI), penyiaran digital, komunikasi virtual dan *journalism* pintar, namun tetap berpegang kepada prinsip syariah, integriti ilmu dan adab.

Dunia digital katanya, dilihat membuka peluang besar untuk memperkasa dakwah, tetapi pada masa yang sama menuntut literasi media dalam menghadapi manipulasi maklumat, budaya sensasi dan kandungan tidak beretika.

Majlis tersebut turut menyaksikan Acara Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara UNISSA dan IKIM. Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA manakala bagi pihak IKIM ditandatangani oleh Ketua Pengarah IKIM.

Majlis juga turut menyaksikan penyampaian Sijil Pelantikan Panel Penasihat Industri (Industry Advisory Panel) kepada pihak IKIM, diikuti dengan penyerahan Sijil Pengiktirafan Kualiti Akademik kepada pihak UNISSA.



Kerjasama strategik ini diharap dapat memperkukuh hubungan institusi dalam bidang media Islam, penyelidikan, penerbitan, latihan, pembangunan akademik serta perkongsian kepakaran di peringkat serantau.

Selain itu, majlis turut menampilkan pengumuman Anugerah Kertas Kerja Terbaik sebagai penghargaan kepada pembentangan kertas kerja yang cemerlang sepanjang persidangan berlangsung.

Penghargaan tersebut bertujuan menggalakkan budaya penyelidikan berkualiti serta memberi penghargaan kepada para pembentang yang telah menyumbang idea, dapatan kajian

dan perspektif baharu dalam memperkasa wacana media Islam.

Majlis Apresiasi RIMEC'26 diharap dapat menjadi platform bagi mempererat hubungan profesional dan ukhuwah antara peserta, institusi akademik serta organisasi media Islam serantau.

Penganjuran majlis ini juga mencerminkan komitmen UNISSA dalam memperkukuh jaringan kerjasama serantau, membudayakan penyelidikan berimpak tinggi dan memartabatkan media Islam sebagai medium dakwah, pendidikan dan pembangunan masyarakat yang relevan dengan cabaran semasa.

Pesta Makan Tahun Pantai Siandang Jerudong dilancarkan

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Ketua Kampung Putat hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan majlis pelancaran makan tahun berkenaan.

JERUDONG, Khamis, 4 Jun. - Dalam usaha untuk mengekalkan warisan budaya serta mengeratkan lagi ikatan silaturahmi dan kerjasama dalam kalangan penduduk masyarakat, pagi tadi telah diadakan Majlis Pelancaran Makan Tahun Pantai Siandang Jerudong yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong 'B', MPK Jerudong 'A' dan Persatuan Warisan Kedayan Kampung Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat turut berkesudian menyempurnakan majlis pelancaran makan tahun berkenaan.

Juga hadir sama ialah Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat serta Ahli-ahli MPK Jerudong.

Majlis Makan Tahun Pantai

Siandang Jerudong yang turut disokong oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara pada tahun ini merupakan penganjuran kali kedua selepas kejayaan pelaksanaannya buat kali pertama pada tahun 2024 dan dijadikan sebagai aktiviti tahunan.

Acara seperti ini bukan sahaja menjadi tempat untuk berkumpul dan beramah mesra, malah menjadi wadah penting dalam mengeratkan hubungan silaturahmi antara masyarakat tanpa mengira usia dan latar belakang seterusnya mampu menyatukan masyarakat melalui aktiviti kemasyarakatan, kebudayaan dan sukan tradisi.

Pantai Siandang Kampung Jerudong mempunyai potensinya yang tersendiri sebagai lokasi riadah dan tempat masyarakat berkumpul. Oleh itu, acara seperti ini diharap akan terus memeriahkan kawasan ini serta menarik lebih banyak penglibatan

masyarakat, khususnya golongan belia dan generasi muda.

Bertepatan dengan slogan acara Makan Tahun Pantai Siandang Jerudong, 'Sekudi Kelupis Menjalin Budaya', majlis ini menjadi lambang perpaduan masyarakat dalam sama-sama memelihara, menghargai dan menghidupkan warisan budaya tempatan agar terus kekal diwarisi oleh generasi akan datang.

Tetamu kehormat turut berkesempatan menyaksikan dan menyertai aktiviti yang diadakan semasa acara berkenaan sebelum dibawa melawat ke pameran seterusnya merasmikan Gelanggang Gasing MPK Jerudong serta Pelancaran Perlawanan Gasing Se-Borneo.

Sepanjang berlangsungnya acara Makan Tahun tersebut, pelbagai aktiviti dan pengisian telah disediakan untuk para pengunjung termasuk demonstrasi cara-cara mengelupis bermula daripada proses 'mendadih' sehingga menjalin kelupis, yang merupakan salah satu makanan tradisi masyarakat tempatan yang masih kekal hingga ke hari ini dan merupakan salah satu produk MPK Jerudong.

Selain itu, turut diadakan pameran masakan dan makanan tradisi Puak Kedayan sebagai usaha memperkenalkan serta memelihara warisan turun-temurun agar terus dikenali oleh generasi muda.

Para pengunjung juga berpeluang menyaksikan pameran barang-barang kelengkapan harian yang pernah digunakan oleh Masyarakat Puak Kedayan suatu ketika dahulu. Pameran seperti ini amat penting sebagai satu bentuk pendidikan budaya dan sejarah, khususnya kepada golongan muda agar mereka lebih mengenali cara hidup, adat dan budaya masyarakat terdahulu.

Bagi memeriahkan lagi suasana,



JUGA hadir sama ialah Yang Berhormat Ahli MMN, Penghulu Mukim Bukit Sawat serta Ahli-ahli MPK Jerudong.

pelbagai acara sukan ria turut diadakan yang melibatkan penyertaan masyarakat setempat. Aktiviti seperti ini bukan sahaja menceriakan acara, malah dapat memupuk semangat kerjasama, perpaduan dan kekeluargaan dalam kalangan masyarakat.

Di samping itu, para pengunjung juga berpeluang mengunjungi gerai-gerai jualan yang beroperasi sepanjang acara Makan Tahun ini berlangsung. Pelbagai jenis makanan, minuman, produk tempatan dan hasil jualan anak-anak buah kampung dapat diperolehi, sekali gus membantu memeriahkan ekonomi komuniti serta memberi peluang kepada para peniaga tempatan untuk sama-sama terlibat dalam acara kemasyarakatan seperti ini.

Dengan adanya gelanggang gasing yang baru dirasmikan di Pantai Siandang tersebut, diharapkan ia akan menjadi pusat aktiviti sukan tradisi yang aktif dan berterusan di kawasan Jerudong.

Permainan gasing bukan

sekadar hiburan tradisional, malah melambangkan warisan budaya masyarakat yang perlu dipelihara dan diwariskan kepada generasi akan datang. Dalam permainan ini terdapat nilai disiplin, kesabaran, semangat kesukanan dan kerjasama yang sangat baik untuk diterapkan dalam kalangan belia masa kini.

Sementara itu, Perlawanan Gasing Se-Borneo pada kali ini menghimpunkan peserta-peserta dari pelbagai tempat yang menunjukkan bahawa permainan tradisi seperti gasing masih mempunyai peminat dan pengikutnya yang tersendiri, bukan sahaja di Negara Brunei Darussalam malah juga di peringkat serantau.

Adalah menjadi harapan agar pertandingan seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang dan menjadi salah satu acara tradisi yang mampu menarik penyertaan lebih ramai peserta serta pelancong dari dalam dan luar negara.

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI, MELINDUNGI EKOSISTEM, MEMBUKA KAWASAN PERTUMBUHAN BAHARU

■ Berita dan Foto : Nurdiyana Rajami

TUNGGU LINK, Rabu, 3 Jun. – Bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), lautan adalah teras kepada keselamatan makanan, perikanan, akuakultur, pelancongan, perlindungan pantai, biodiversiti, sumber pendapatan dan pertumbuhan ekonomi masa depan.

Ia juga berkait rapat dengan usaha Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dalam menyokong pembangunan mampan merentasi perikanan, perhutanan, pertanian dan pelancongan.

Dalam bidang ini, keputusan yang baik mesti dibina berdasarkan pengetahuan yang kukuh. Sumber marin yang sihat, aktiviti penangkapan ikan yang bertanggungjawab, pengurusan yang berkesan dan data yang boleh dipercayai adalah penting untuk sektor perikanan, manakala akuakultur bergantung kepada penyelidikan, teknologi, biosekuriti, pengurusan kualiti air dan pembangunan pasaran. Ekosistem pantai pula memerlukan pemantauan, perlindungan dan pemulihan.

Perkara berkenaan antara yang

ditekankan oleh Setiausaha Tetap di KSSUP, Dayang Hajah Tutiatiy binti Haji Abdul Wahab ketika menyampaikan ucapan alu-aluan semasa berlangsungnya Persidangan Kelestarian Lautan 2026 (The Ocean Sustainability Conference 2026) hari ini bertempat di The Core Lecture Theatre, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Jelasnya lagi, oleh sebab itu persidangan seperti Persidangan Kelestarian Lautan adalah berharga. Ia mengumpulkan ahli akademik, pembuat dasar, pemimpin industri, pakar teknologi, pelajar dan rakan kongsi komuniti untuk berkongsi data, bertukar pengalaman, mengemukakan soalan penting dan membina penyelesaian yang praktikal untuk NBD.

Tambahnya lagi, penyelidikan memainkan peranan penting dalam perjalanan ini dan ia membantu menilai stok ikan, memperbaiki sistem akuakultur, memantau kualiti air, melindungi biodiversiti, dan mengenal pasti peluang baharu dalam ekonomi biru.

"Teknologi adalah sama penting, di mana alat baharu untuk pemantauan marin, pengumpulan data alam sekitar, sistem akuakultur dan pengesanan biodiversiti boleh mengubah pemerhatian kepada tindakan.

"Mereka menyokong keputusan yang lebih baik, meningkatkan produktiviti, melindungi ekosistem dan membuka kawasan pertumbuhan baharu.

"Ekonomi biru merupakan komponen penting dalam perbincangan ini. Ia melangkaui pemuliharaan, tetapi turut merangkumi pekerjaan, penyelidikan, keusahawanan, sistem makanan, pelancongan, inovasi, bioteknologi marin, akuakultur lestari dan industri masa depan. Secara keseluruhannya, berkaitan dengan penggunaan sumber laut NBD secara bijak dan bertanggungjawab," ujarnya lagi.

Dayang Hajah Tutiatiy seterusnya berkata, visi ini selari dengan Wawasan Brunei 2035, yang bertujuan membangunkan rakyat yang berkemahiran tinggi, meningkatkan kualiti hidup, dan membina ekonomi yang dinamik dan

mampan. Masa depan lautan NBD akan bergantung kepada pelajar dan penyelidik muda yang akan mengkajinya, mengurus, melindungi, dan membina industri baharu di sekelilingnya.

Walaupun NBD adalah sebuah negara kecil tambahannya, ia mempunyai kawasan lautan yang luas, biodiversiti yang kaya, nilai pemuliharaan yang tinggi serta peluang sebenar untuk menyumbang kepada kelestarian lautan serantau. Saiz NBD boleh menjadi kelebihan kerana membolehkan kerjasama rapat, menguji idea dan beralih daripada penyelidikan kepada pelaksanaan dengan lebih cepat.

"Walaupun bagaimanapun, ini tidak boleh dicapai secara bersendirian. Kerajaan perlu memainkan peranan dalam menyediakan hala tuju, peraturan dan sokongan. Universiti dan penyelidik menyumbang bukti dan pengetahuan.

"Industri membawa pelaburan, inovasi dan pelaksanaan. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti membawa kesedaran, jangkauan dan penglibatan tempatan, manakala rakan kongsi antarabangsa



Setiausaha Tetap di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiatiy binti Haji Abdul Wahab ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada Persidangan Kelestarian Lautan 2026 (The Ocean Sustainability Conference 2026) bertempat di The Core Lecture Theatre, UBD.

membawa pengalaman, kepakaran dan rangkaian yang lebih luas. Usaha ini bersama-sama menjadikan kemampanan boleh dicapai," ujarnya lagi.

Menyokong perlindungan alam sekitar serta peluang ekonomi masa depan



ANTARA yang berucap pada Persidangan Kelestarian Lautan 2026 (The Ocean Sustainability Conference 2026).

TUNGGU LINK, Rabu, 3 Jun. – Persidangan Kelestarian Lautan 2026 (The Ocean Sustainability Conference 2026) telah diadakan hari ini dengan menghimpunkan lebih 100 peserta daripada pihak kerajaan, akademik, industri, kumpulan belia, organisasi pemuliharaan, pemiagaan dan komuniti kelestarian lautan bertempat di The Core Lecture Theatre, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Diadakan di bawah tema 'Investing in Our Ocean's Future', persidangan sehari penuh berkenaan merupakan salah satu platform pengetahuan utama di bawah Minggu Lautan Brunei 2026 (Ocean Week Brunei 2026-OWB 2026). Ia memberi tumpuan kepada bagaimana Negara Brunei Darussalam (NBD) boleh melindungi persekitaran marin sambil membangunkan peluang praktikal dalam ekonomi biru, perikanan mampan, teknologi lautan, penyelesaian berasaskan alam semula jadi, mata pencarian masyarakat dan pembiayaan kelestarian jangka panjang.

Persidangan berkenaan dianjurkan oleh Poni Foundation dengan kerjasama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) sempena Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (Brunei MYCE) 2026. Ia direka untuk menghubungkan kelestarian lautan dengan pembangunan masa depan NBD, termasuk keselamatan makanan, pelancongan, inovasi marin, ketahanan iklim, penyelidikan,



menangani cabaran bersama dan membina ekonomi biru yang lebih kukuh.

Beliau juga menekankan perubahan iklim, haba melampau dan perubahan cuaca sudah menjejaskan ekosistem pantai dan marin, manakala perikanan, akuakultur, sistem makanan, biodiversiti, infrastruktur marin dan mata pencarian masyarakat berkait rapat.

"Ekonomi biru mesti menyokong bukan sahaja industri besar, tetapi juga nelayan, komuniti, belia dan pemiagaan kecil. Teknologi harus membantu menyelesaikan masalah sebenar, meningkatkan pemantauan, menyokong keputusan yang lebih baik dan mewujudkan impak yang lebih telus, manakala ekosistem seperti bakau, tiram, terumbu, penyau dan habitat pesisir adalah sebahagian daripada daya tahan dan nilai masa depan," ujarnya lagi.

Turut menyampaikan ucapan pada majlis berkenaan, Pengurus Perkhidmatan Korporat, Hibiscus EP (Brunei) B.V., Dayang Harina Ramlee.

Persidangan berkenaan disusun di sekitar empat tema utama, iaitu pertama, 'Blue Economy : Building Scalable Models for National Growth', meneroka bagaimana akuakultur, inovasi marin, dasar dan kerjasama serantau boleh membuka kunci pertumbuhan mampan, mengukuhkan keselamatan makanan dan menyokong pembangunan ekonomi biru masa hadapan.

Manakala tema kedua, 'Sustainable Blue Livelihoods', memfokuskan kepada perikanan mampan, sistem makanan biru, akuakultur regeneratif dan karbon biru sebagai laluan kepada mata pencarian inklusif dan komuniti pantai yang berdaya tahan. Sementara tema ketiga, 'Ocean Tech', melihat bagaimana teknologi baru muncul boleh mengukuhkan pemantauan lautan, perlindungan marin, pengurusan alam sekitar dan penyelesaian berasaskan data.

Tema keempat pula, 'Connected Coastal Ecosystems', meneroka pemulihan ekosistem, infrastruktur



SEBAHAGIAN yang hadir pada persidangan berkenaan yang berlangsung di The Core Lecture Theatre, UBD.

hidup dan pengawasan komuniti sebagai alat untuk daya tahan iklim, perlindungan biodiversiti dan pembangunan mampan.

Penceramah utama, iaitu Winston Cowie, selaku ahli pemuliharaan marin dari New Zealand, pengarang dan pembuat filem berpendidikan Oxford, berkongsi perspektif antarabangsa daripada lebih 20 tahun pengalaman dalam program pemuliharaan marin, perikanan dan ekonomi biru. Sesi perkongsian menekankan kepentingan tindakan praktikal, tadbir urus yang kukuh, penyertaan masyarakat dan pemikiran jangka panjang dalam melindungi ekosistem marin sambil menyokong pembangunan ekonomi yang mampan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Poni Group dan Pengerusi Poni Foundation, Awang Mohd. Tahsin Wong Abdullah pula menyampaikan sesi plenari mengenai peluang NBD untuk menghubungkan pelancongan marin, pemuliharaan, penglibatan belia, inovasi kelestarian dan projek ekonomi biru ke dalam nilai nasional jangka panjang.


Beliau membincangkan bagaimana kelestarian lautan boleh dibangunkan menjadi model praktikal yang mewujudkan pekerjaan, menyokong komuniti, menarik perkongsian dan mengukuhkan kedudukan NBD dalam ekonomi biru

serantau.

Persidangan berkenaan turut menampilkan Profesor Zhang Wei mengenai bioteknologi marin dan akuakultur generasi baharu; Dr. Yang Wei mengenai pembangunan ekonomi biru dan tadbir urus lautan; Mahesh Pradhan daripada Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai kerjasama serantau untuk lautan Asia Timur; dan Profesor Madya Michelle Voyer mengenai tadbir urus ekonomi biru penyertaan dan kerjasama ASEAN.

Sesi lain termasuk sumbangan daripada Dr. Imam Musthofa Zainudin mengenai perikanan mampan dan sistem makanan biru; Dr. Sheila S. Vergara mengenai tadbir urus berasaskan sains bagi kawasan perlindungan marin; Siu Tzyy Wei mengenai keselamatan maritim Asia Tenggara dan penangkapan ikan IUU; Dr. Jonathan Daniel Maxey mengenai akuakultur lestari dan 'coastal oceanography'; Hendri Karisma mengenai mengenai perakaunan karbon dan infrastruktur pasaran karbon biru; Dr. Aria Lee mengenai infrastruktur marin positif alam semula jadi 'Living Seawalls'; dan Zachary DeLong mengenai ekosistem tiram dan pemulihan air.

MEMAJUKAN PEMBANGUNAN MAMPAN MENERUSI PENDIDIKAN, KEMAHIRAN



KETUA Sekretariat Rangkaian UNESCO-UNEVOC, Kenneth Barrientos hadir di forum berkenaan secara dalam talian.

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan SEAMEO VOCTECH

GADONG, Khamis, 4 Jun. - Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH telah menganjurkan Forum Mengenai Penghijauan TVET dan Kesiapsiagaan Institusi di Asia Tenggara: Pendekatan Dasar, Amalan dan Pemantauan (Forum on Greening TVET and Institutional Readiness in Southeast Asia: Policy, Practice and Monitoring Approaches) yang menghimpunkan para pembuat dasar, pendidik, pengkaji, rakan pembangunan serta pihak berkepentingan industri dari seluruh rantau dan luar negara secara hibrid.

Forum tersebut diadakan bersempena Program Latihan Serantau Hibrid mengenai Penyelidikan Kaedah Campuran Berasaskan Pemikiran Reka Bentuk bagi Pelaksanaan Indeks Kesiapsiagaan Pendidikan Hijau (GERI) dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Inisiatif berkenaan mencerminkan komitmen yang semakin kukuh dalam kalangan negara anggota ASEAN untuk memajukan pembangunan mampan menerusi pendidikan

dan pembangunan kemahiran.

Penganjuran forum itu juga selaras dengan Pelan Pembangunan Lima Tahun Ke-7 SEAMEO VOCTECH yang bertemakan 'TVET Inklusif untuk Masa Depan Hijau dan Digital', sekali gus mengukuhkan komitmen pusat tersebut dalam mempromosikan pendekatan TVET yang mampan, inklusif dan berteraskan teknologi di seluruh rantau.

Sebagai platform perkongsian inisiatif serantau dan kebangsaan berkaitan penghijauan TVET dan pendidikan, forum tersebut menyediakan ruang perbincangan mengenai pendekatan pemantauan serta kesiapsiagaan institusi ke arah kelestarian.

Selain itu, ia turut menggalakkan kerjasama strategik antara pembuat dasar, institusi pendidikan, penyelidik dan rakan pembangunan dalam memperkukuh agenda pembangunan mampan.

Forum berkenaan menampilkan beberapa penceramah dan pakar terkemuka dalam bidang pendidikan hijau

serta pembangunan mampan, antaranya Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Weert Börner; Felo Penyelidik

Kanan di SEAMEO VOCTECH, Dr. Margarita Pavlova; Pegawai Pendidikan di STEP Centre, Dayang Nurul Fathiah Baziliah binti Haji Ibrahim; Pakar Program di UNESCO Jakarta, Hiromichi Takayama; Ketua Sekretariat Rangkaian UNESCO-UNEVOC, Kenneth Barrientos.

Lebih 100 peserta menyertai forum tersebut yang terdiri daripada wakil-kementerian pendidikan, pusat-pusat SEAMEO, agensi TVET, institusi pengajian tinggi dan TVET, penyelidik, rakan pembangunan, pihak berkepentingan dalam bidang kelestarian serta peserta Program Latihan Serantau Hibrid GERI.

Melalui forum ini, SEAMEO VOCTECH menegaskan semula

komitmennya untuk menyokong usaha di peringkat serantau dan antarabangsa dalam mengintegrasikan prinsip kelestarian ke dalam sistem TVET, di samping memperkukuh kapasiti institusi bagi memenuhi keperluan ekonomi yang semakin berorientasikan pembangunan hijau.

Perbincangan dan perkongsian ilmu yang berlangsung sepanjang forum tersebut dijangka dapat menyumbang kepada pembangunan serta pelaksanaan berterusan Kerangka GERI.

Inisiatif ini seterusnya akan menyokong penggabungan dasar dan amalan berasaskan bukti dalam usaha mentransformasikan sistem TVET yang lebih mampan di seluruh Asia Tenggara.



SESI bergambar ramai pada Forum Mengenai Penghijauan TVET dan Kesiapsiagaan Institusi di Asia Tenggara: Pendekatan Dasar, Amalan dan Pemantauan (Forum on Greening TVET and Institutional Readiness in Southeast Asia: Policy, Practice and Monitoring Approaches).

Pilih Islam sebagai pegangan hidup



KOH Pee Lie semasa melafazkan dua kalimah syahadah di hadapan pegawai daripada Bahagian Pengembangan Da'wah (Pengislaman), Pusat Da'wah Islamiah.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

SENGKURONG, Jumaat, 5 Jun. - Sejak awal Januari hingga 31 Mei 2026, seramai 119 orang telah memeluk agama Islam di seluruh negara.

Daripada jumlah tersebut, seramai 56 orang merupakan saudara baharu yang memeluk agama Islam di Daerah Brunei dan Muara.

Pada hari ini, seorang lelaki berbangsa Cina, Koh Pee Lie,

berusia 26 tahun, telah memilih agama Islam sebagai pegangan hidupnya dengan melafazkan dua kalimah syahadah dalam Majlis Pengislaman yang diadakan pada petang tadi di Kampung Selayan.


Majlis Pengislaman dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan lafaz dua kalimah syahadah oleh Koh Pee Lie di

hadapan pegawai daripada Bahagian Pengembangan Da'wah (Pengislaman), Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Beliau kemudiannya menerima nama Islam, Muhammad Khairi Pee Lie bin Abdullah Koh.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati daripada PDI kepada saudara baharu berkenaan sebagai tanda penghargaan dan sokongan.


Acara turut diserikan dengan Dikir Marhaban sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.





كمتن كصحت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH


Pengenalan:
Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:



Tekanan darah tinggi


Kolesterol tinggi


Kencing manis


Kanser


Terdapat 4 program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:



Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang


1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan
2. Tidak mempunyai perancangan berurusan di pusat kesihatan atau klinik pakar di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.



Pemeriksaan kanser kolorektal

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang


1. Berumur 50-75 tahun; dan
2. Tidak pernah menjalani ujian untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan
3. Tidak menjalani ujian naps untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan
4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.



Pemeriksaan kanser payudara

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang

1. Berumur 40-65 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser payudara; dan
3. Tidak mempunyai sebarang gejala penyakit payudara; dan
4. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.




Pemeriksaan kanser serviks

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang

1. Berumur 20-65 tahun; dan
2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan
3. Tidak pernah menghidap kanser serviks; dan
4. Tidak menjalani ujian Pap (PAP) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu

www.ppk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123





Judi : Terselindung di sebalik hiburan

pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan anak panah itu adalah (perbuatan) keji daripada perbuatan syaitan. Maka hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu beroleh kemenangan (dan keberuntungan)".

Judi ibarat racun yang perlahan-lahan menyerap dalam kehidupan seseorang. Jika tidak dihentikan, ia boleh menjadi seperti barah yang merosakkan bukan hanya diri sendiri, malah turut memberi kesan buruk kepada keluarga dan masyarakat. Judi ini tidak berlaku tanpa sebab, antara punca utama yang mendorong seseorang terjerumus dan terjebak ke dalam perjudian ialah :

Pertama : Kurangnya pengetahuan dan penghayatan agama. Kesibukan mengejar keseronokan dan kemewahan dunia menyebabkan ramai lalai daripada mendalami dan mengamalkan ilmu agama. Tanpa ilmu yang menjadi benteng, seseorang mudah terjerumus dalam perbuatan maksiat dan tidak bermoral.

Kedua : Mengikuti hawa nafsu. Dorongan nafsu dan keinginan untuk hidup senang menjadikan seseorang tamak dan sanggup melakukan perkara haram. Dalam keadaan ini, ajaran agama diketepikan demi kepuasan sementara, walaupun akhirnya membawa kerugian yang besar.

Ketiga : Tekanan dan masalah sosioekonomi. Kesempitan hidup dan pendapatan yang rendah mendorong sesetengah individu mencari jalan singkat untuk mendapatkan wang. Mereka menyangka judi mampu mengubah nasib, sedangkan hakikatnya ia hanya membawa kehancuran dan penyesalan.

Perjudian bukan sekadar perbuatan yang haram di sisi agama Islam tetapi ia juga membawa pelbagai kesan buruk yang boleh meruntuhkan kehidupan individu, memecahbelahkan keluarga dan merosakkan kesejahteraan masyarakat. Antara kesan buruk perjudian terhadap individu dan masyarakat ialah :

Pertama : Keruntuhan akhlak dan maruah. Ketagihan berjudi merosakkan akhlak dan menjatuhkan maruah diri. Ia bukan sahaja memberi kesan kepada individu, malah turut mengganggu keharmonian keluarga dan masyarakat.

Kedua : Menyemai dendam dan permusuhan. Judi melahirkan sifat tamak, pentingkan diri dan mudah mencetuskan pergaduhan apabila berlaku kekalahan atau penipuan. Ia juga boleh memutuskan silaturahim dan menyuburkan kebencian.

Ketiga : Melalaikan tanggungjawab kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Mereka yang hanyut dalam perjudian sering meninggalkan ibadah sembahyang dan semakin jauh daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Jiwa mereka menjadi gelisah dan kehidupan sentiasa terasa sempit.

Keempat : Dibejani hutang dan masalah

kewangan. Ketagihan judi mendorong seseorang berhutang secara berlebihan dan akhirnya terperangkap dalam tekanan serta masalah kewangan yang serius.

Kelima : Terpesongnya akidah. Lebih membimbangkan, sesetengah penjudi mula percaya kepada perkara khurafat seperti mimpi, bomoh dan seumpamanya. Kepercayaan sebegini menyeleweng daripada ajaran Islam dan boleh membawa kepada syirik.

Judi bukanlah sesuatu yang asing dalam kehidupan manusia. Ia telah wujud sejak zaman-berzaman, mengheret ramai ke lembah kehancuran. Namun, dalam arus kemodenan hari ini, bentuknya semakin terselindung di sebalik nama hiburan dan permainan. Kadangkala ia tidak lagi kelihatan jelas sebagai judi, namun hakikatnya tetap membawa unsur yang sama seperti pertarungan, ketidaktentuan dan harapan kepada nasib semata-mata. Inilah bentuk perjudian moden yang lebih halus tetapi tetap membinasakan.

Salah satu contoh yang perlu diberi perhatian ialah Bull Ride Challenge, iaitu permainan yang menguji ketahanan fizikal dengan menunggang lembu mekanikal yang bergerak secara tidak menentu. Pada zahirnya ia kelihatan sebagai hiburan semata-mata namun hakikatnya berubah apabila penyertaan dikenakan bayaran dan ganjaran hanya diberikan kepada peserta yang berjaya. Menurut syarak, jika hadiah tersebut bersumber daripada bayaran penyertaan pemain, maka ia merupakan suatu pertarungan yang menyebabkan salah satu pihak akan untung dan satu pihak lagi akan rugi.

Apabila wang dijadikan taruhan, yang menang memperoleh keuntungan, manakala yang kalah kehilangan bayaran tanpa sebarang pulangan. Maka permainan ini telah melangkaui batasan hiburan dan jatuh kepada unsur perjudian. Inilah hakikat yang tidak boleh dipandang ringan kerana setiap bentuk pertarungan yang membawa kepada untung rugi sebegini adalah termasuk dalam kategori judi yang diharamkan oleh syarak.

Sehubungan itu, umat Islam hendaklah berwaspada dan menjauhi segala bentuk aktiviti yang mengandungi unsur pertarungan, walaupun ia diselindungi dengan nama hiburan atau cabaran kerana sesungguhnya yang haram tetap haram, walau dalam apa juga bentuk sekalipun. Menurut Imam Al-Mahali dalam Kitab Kanzil Ar-Raghibin : *"Jika disyaratkan dalamnya (suatu permainan) ada harta (yang dipertaruhkan) daripada kedua belah pihak (yang bertanding) iaitu bahawa sesiapa yang menang daripada kedua belah pihak, (harta pihak lain yang dipertaruhkan) akan menjadi miliknya (orang yang menang) maka itulah judi yang diharamkan"*.

Berdasarkan penjelasan tersebut, dapat difahami bahawa suatu permainan yang dikategorikan sebagai judi ialah permainan yang melibatkan pertarungan harta sama ada dalam bentuk wang ringgit atau selainya daripada pihak yang ikut serta.

Oleh yang demikian, sebagaimana yang difatwakan oleh Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam mengenai permainan Bull Ride Challenge (Fatwa Siri 21/2025) yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan pada 27 Jamadilakhir 1447 Hijrah bersamaan 18 Disember 2025 Masihi, *"Umat Islam adalah dilarang dan haram hukumnya melibatkan diri dalam permainan tersebut sama ada sebagai pemain atau penganjur kerana ia merupakan suatu dosa. Dalam perkara ini, pihak-pihak berautoriti yang mengawal penganjuran permainan seumpama ini juga wajib mengambil perhatian tentang hukum mengenainya kerana akhir-akhir ini permainan seumpama ini semakin lumrah diadakan terutama di musim-musim perayaan"*.

Setiap perintah dan larangan yang ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala adalah tanda kasih dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala terhadap hamba-hamba-Nya. Antara larangan yang ditegaskan dalam Islam ialah judi. Sesungguhnya judi itu nampak mudah, menyeronokkan dan menjanjikan pulangan segera tetapi akhirnya membawa kepada penyesalan, ketagihan, hutang, pertengkaran, keruntuhan rumah tangga dan hilangnya keberkatan dalam kehidupan.

Kita tidak menafikan bahawa setiap insan pasti pernah melakukan kesilapan, namun, Allah Subhanahu Wata'ala Maha Pengampun dan sentiasa membuka pintu taubat bagi sesiapa yang ingin kembali kepada-Nya. Bagi yang pernah terjebak dalam judi secara terang atau tersembunyi, segeralah bertaubat dan hentikanlah segala bentuk perbuatan yang mengundang dosa dan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa agar Allah Subhanahu Wata'ala memelihara diri kita, keluarga dan masyarakat daripada belenggu judi dan segala bentuk kemaksiatan. Semoga dengan menjauhi perkara yang diharamkan, kita mendapat keberkatan hidup dan negara ini terus dirahmati serta diredai Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Tafsirnya : *"Wahai manusia! Makanlah (makanan) daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang nyata bagi kamu"*. (Surah Al-Baqarah, ayat 168)

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Maidah, ayat 91 :

Tafsirnya : *"Sesungguhnya syaitan itu mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian antara kamu dengan sebab (meminum) arak dan (bermain) judi dan menghalangi kamu daripada mengingati Allah dan mengerjakan sembahyang, maka tidakkah kamu mahu berhenti (daripada melakukan perbuatan keji itu)?"*

Kini ramai yang mencari jalan singkat untuk mendapatkan wang, harta dan kekayaan tanpa berusaha, tanpa berpenat dan tanpa memikirkan soal halal atau haramnya. Antara jalan yang paling mudah namun sangat keji ialah judi. Walaupun ia kelihatan menyeronokkan dan menjanjikan keuntungan segera, hakikatnya ia adalah jalan pintas yang membawa kepada kehancuran hidup di dunia dan azab di akhirat.

Sesungguhnya Islam mengharamkan segala bentuk perjudian sama ada melalui permainan, hiburan atau apa jua saluran yang mengandungi unsur pertarungan. Ini kerana judi bukan sahaja merosakkan akhlak, malah turut menggugat kestabilan individu, keluarga dan masyarakat. Larangan ini telah dinyatakan dengan jelas oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam firman-Nya melalui Surah Al-Maidah, ayat 90 :

Tafsirnya : *"Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi,*

Perubahan sementara perkhidmatan pengambilan sampel darah

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Jun. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai perubahan sementara bagi Perkhidmatan Flebotomi (Pengambilan Sampel Darah) di beberapa fasiliti kesihatan.

Perubahan ini adalah sebahagian daripada penyesuaian operasi perkhidmatan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, selamat dan berkesan kepada orang ramai.

Sehubungan dengan itu, perkhidmatan berkenaan tidak akan beroperasi pada tarikh dan masa tertentu seperti berikut, Pusat Kesihatan Seria pada Sabtu, 6 Jun 2026 dan Klinik Kesihatan Labi pada Selasa, 9 Jun 2026.

Orang ramai yang memerlukan perkhidmatan pengambilan sampel darah pada tarikh berkenaan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut di fasiliti kesihatan lain yang berdekatan, termasuk Pusat Kesihatan Sungai Liang atau

Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, ataupun fasiliti kesihatan lain yang bersesuaian mengikut pilihan setiap individu.

Kementerian Kesihatan memohon maaf atas sebarang kesulitan yang mungkin timbul dan menghargai kerjasama serta pemahaman orang ramai mengenai perkara ini.

Orang ramai boleh menghubungi talian operator Pusat Kesihatan Seria +673 3222651 semasa waktu pejabat bagi sebarang maklumat lanjut atau menghubungi Talian Darussalam 123 pada bila-bila masa.

MEMBENTUK EKOSISTEM PEMBELAJARAN BERETIKA



TIMBALAN Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Profesor Dr. Awang Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman semasa berucap.

TUNGKU LINK, Rabu, 3 Jun. - Sejak penubuhannya, ASEAN University Network for Technology - Enhanced Personalised Learning (AUN-TEPL) berkembang menjadi lebih daripada sekadar platform perbandingan.

Timbalan Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Profesor Dr. Awang Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman berkata, ia kini menjadi rangkaian serantau yang kukuh yang menggalakkan

kerjasama, inovasi, pertukaran ilmiah dan perkongsian amalan pendidikan transformatif di seluruh ASEAN.

"Kekuatan AUN-TEPL terletak pada keupayaannya menghimpunkan institusi yang berkongsi matlamat yang sama - untuk membangunkan persekitaran pembelajaran yang bermakna, inklusif, bersedia menghadapi masa depan dan memberi impak positif, di samping melahirkan graduan yang mampu menyumbang kepada masyarakat dan industri secara bertanggungjawab, kreatif dan bermakna," ujarnya pada 6th AUN-TEPL Symposium yang berlangsung di Dewan Canselor, UBD, di sini.

Terdahulu beliau menjelaskan, simposium itu mencerminkan tanggungjawab bersama sebagai institusi pendidikan tinggi ASEAN untuk membentuk ekosistem pembelajaran yang beretika, inklusif dan bersedia menghadapi masa depan dalam era Kecerdasan Buatan (AI). Tema pada tahun ini, 'AI Ethics and Personalised Learning' jelasnya, amat relevan dan signifikan.

Di institusi pendidikan tinggi

pada masa kini katanya, kita sedang menyaksikan perubahan besar yang dipacu oleh kecerdasan buatan di mana AI sedang mengubah cara pelajar belajar, cara pendidik mengajar, cara penilaian direka bentuk, serta bagaimana institusi menyediakan sokongan dan penglibatan kepada pelajar.

Menurutnya, laluan pembelajaran diperibadikan, teknologi adaptif, analitik pembelajaran dan sistem pintar kini semakin menjadi sebahagian daripada ekosistem pendidikan kita.

"Pada masa yang sama, kita juga menyaksikan kemunculan bentuk kecerdasan buatan yang lebih maju, termasuk agentik AI, yang mula mempengaruhi cara kita belajar, bekerja, membuat keputusan dan berinteraksi dengan maklumat," ujarnya.

Memandangkan teknologi ini terus berkembang dengan pesat katanya lagi, universiti mempunyai tanggungjawab penting untuk memastikan graduan bukan sahaja celik digital, malah berpegang teguh kepada nilai etika, mampu menyesuaikan diri, dan bersedia untuk berinteraksi secara bertanggungjawab dalam

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad**

dunia yang semakin diperkasakan oleh AI.

"Di UBD, kami percaya bahawa masa depan pembelajaran mesti terus berpusatkan pelajar, berpaksikan nilai dan berhubung secara global. Melalui pelbagai inisiatif dalam pembelajaran digital, transformasi kurikulum, *micro-credentials*, kerjasama antara disiplin dan pedagogi inovatif, kami terus meneroka

kaedah untuk memperkasakan para pendidik dan pelajar agar dapat berkembang maju dalam dunia yang sentiasa berubah," ujarnya.

Beliau menambah, UBD juga mengiktiraf kepentingan kerjasama serantau dalam memastikan universiti-universiti ASEAN dapat bersama-sama menyumbang ke arah inovasi yang bertanggungjawab dan mampan dalam pendidikan tinggi.



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

كلمة من كميته
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

UBD anjur 6th AUN-TEPL Symposium

TUNGKU LINK, Rabu, 3 Jun. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) menganjurkan 6th ASEAN University Network for Technology - Enhanced Personalised Learning (AUN-TEPL) Symposium, yang menghimpunkan para pendidik, penyelidik dan pemimpin institusi dari seluruh rantau AUN+3 bagi memajukan perbincangan mengenai pembelajaran diperibadikan yang beretika, inklusif dan memperkasakan teknologi.

Simposium yang membawakan tema, 'AI Ethics in Personalised Learning' itu diadakan bermula hari ini hingga esok bertempat di Dewan Canselor, UBD, di sini.

Dalam ucapan pembukaan, Pengarah Eksekutif ASEAN University Network (AUN), Profesor Madya Dr. Thanapan Laiprakobsup menekankan peranan transformasi teknologi dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih inklusif dan fleksibel. Merujuk kepada kemajuan pesat Kecerdasan

Buatan (AI), beliau menegaskan kepentingan memastikan inovasi sentiasa berpaksikan prinsip etika.

"Menjadi tanggungjawab utama kita sebagai pendidik untuk memastikan penggunaan AI berlandaskan prinsip etika kerana matlamat utama kita adalah untuk membimbing bakat-bakat muda dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat serta menyokong, yang membantu mencapai matlamat akademik tanpa menjejaskan integriti akademik," jelasnya.

Pada simposium tersebut, Pengarah Pusat Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran di Michigan State University, Dr. Jeremy Van Hof dalam ucapannya menekankan peranan pendidikan yang berpusatkan pelajar, saksama dan menarik dalam membimbing pengajaran dan pembelajaran yang memperkasakan teknologi.

Satu sesi perbincangan panel bertajuk 'Balancing Innovation and Integrity : Navigating Ethical Dilemmas

in Technology - Enhanced Personalised Learning' menghimpunkan panelis dari Mahidol University, Singapore Management University, Peking University, University of the Philippines Diliman dan UBD. Sesi tersebut meneliti bagaimana universiti dapat menangani cabaran etika sambil terus berinovasi dalam pendidikan yang dipacu AI.

Simposium ini turut menampilkan bengkel praktikal mengenai integrasi Canva dan AI dalam pedagogi digital, penciptaan sumber pembelajaran digital interaktif menggunakan AI, serta pembangunan dasar AI bagi pendidikan tinggi yang mengimbangi inovasi dengan integriti akademik, etika dan keselamatan.

Seminar dalam talian mengenai amalan terbaik pemindahan kredit bagi kursus dalam talian sendiri di seluruh ASEAN turut memperluaskan perbincangan mengenai laluan pembelajaran yang fleksibel dan disokong

teknologi.

Mengulas mengenai kepentingan kerjasama serantau dalam menangani peluang dan cabaran yang dibawa oleh AI, Pengerusi AUN-TEPL, Profesor Madya Tamas Makany menegaskan peranan kerjasama dalam mempersiapkan pelajar dan pendidik menghadapi masa depan yang semakin dipengaruhi AI.

Acara ini dianjurkan oleh UBD dan diselenggarakan bersama Singapore Management University, Universiti Malaya, Mahidol University dan University of the Philippines Diliman, bersempena Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (MYCE) 2026.

Simposium selama dua hari ini berfungsi sebagai platform serantau untuk pertukaran pengetahuan, pembelajaran praktikal dan kerjasama mengenai bagaimana AI sedang membentuk persekitaran pembelajaran diperibadikan.

Perbincangan merangkumi isu-isu utama termasuk privasi data, *algorithmic bias*, *transparency*, akses yang saksama, integriti akademik serta penggunaan teknologi baharu secara bertanggungjawab dalam pendidikan tinggi.

Simposium ini juga mengukuhkan kerjasama serantau dalam kalangan institusi anggota AUN-TEPL melalui dialog berterusan dan pertukaran pengetahuan mengenai masa depan pembelajaran yang beretika dan memperkasakan teknologi.

Melalui platform seperti AUN-TEPL, UBD terus menyumbang kepada



ANTARA yang berucap pada majlis tersebut (atas dan bawah).

perbincangan serantau mengenai transformasi digital yang bertanggungjawab dalam pendidikan tinggi, di samping menyokong pendekatan kolaboratif yang meletakkan nilai kemanusiaan, aksesibiliti dan pembelajaran bermakna sebagai teras inovasi.

Juga hadir pada simposium tersebut ialah Timbalan Naib Canselor UBD, Profesor Dr. Awang Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman yang juga selaku Pengerusi Tuan Rumah UBD bagi AUN-TEPL.



SEKITAR 6th ASEAN University Network for Technology-Enhanced Personalised Learning Symposium.



NBD KOMITED MEMPERKUKUH KERJASAMA KASTAM SERANTAU



PHNOM PENH, KEMBOJA, Jumaat, 5 Jun. - Pemangku Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam (NBD), Awang Muhammad Azizil Hakim bin Haji Brahim, bersama pegawai-pegawai kanan dari JKED, baru-baru ini menghadiri 35th Meeting of the ASEAN Directors-General of Customs yang berlangsung dari 2 hingga 4 Jun 2026 di Phnom Penh, Kemboja.

Mesyuarat berkenaan dipengerusikan oleh Minister Attached to the Prime Minister, Director-General of the General Department of Customs and Excise of Cambodia, Tuan Yang terutama Dr. Kun Nhem.

Mesyuarat turut dihadiri oleh wakil-wakil dari semua ASEAN Member States (AMS) serta ASEAN Secretariat.

Sebagai Chair of ASEAN Directors-General of Customs bagi penggal 2025 hingga 2026 yang bakal menamatkan tempoh perkhidmatannya, NBD merakamkan penghargaan kepada semua AMS dan ASEAN Secretariat atas sokongan serta kerjasama yang tidak berbelah bahagi sepanjang tempoh kepengkerusiannya.

Awang Muhammad Azizil Hakim juga menegaskan bahawa komitmen kolektif ASEAN terhadap pemodenan kastam, pemudahcaraan perdagangan, transformasi digital dan kerjasama penguatkuasaan terus menjadi

elemen penting dalam menyokong integrasi ekonomi serantau serta mengukuhkan kedudukan ASEAN dalam sistem perdagangan global.

Beliau turut menekankan keperluan bagi ASEAN Customs memperkukuh kerjasama strategik, menerima inovasi serta menggalakkan pertumbuhan yang mampan dan inklusif agar kekal responsif terhadap cabaran masa hadapan, di samping terus memudah cara perdagangan yang sah dan melindungi sempadan secara berkesan.

Mesyuarat berkenaan turut menilai kemajuan kerjasama ASEAN Customs dan membincangkan pelbagai inisiatif utama yang bertujuan memperkukuh integrasi kastam serantau, pemudahcaraan



AWANG Muhammad Azizil Hakim bin Haji Brahim hadir di 35th Meeting of the ASEAN Directors-General of Customs yang telah berlangsung dari 2 hingga 4 Jun 2026 di Phnom Penh, Kemboja (kiri dan atas).

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kastam dan Eksais Diraja**

perdagangan, pemodenan kastam, transformasi digital, kerjasama penguatkuasaan, pengurusan risiko serta pembangunan kapasiti.

Antara perkara yang dibincangkan termasuklah meningkatkan daya tahan rantai bekalan, memudah cara perdagangan yang sah, serta memanfaatkan teknologi baharu bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kastam dalam persekitaran perdagangan global yang semakin dinamik.

Semasa mesyuarat berkenaan, Awang Muhammad Azizil Hakim turut bertindak sebagai Pengerusi Bersama 24th ASEAN-China Customs Consultation bersama Minister and Secretary of CPC Committee Member of the General

Administration of Customs, the People's Republic of China (GACC), Puan Sun Meijun.

Mesyuarat berkenaan mengambil maklum perkembangan terkini berkaitan perdagangan dan hal ehwal kastam antara ASEAN dan Republik Rakyat China, termasuk kemajuan kerjasama ASEAN-China Customs serta cadangan bagi kerjasama pada masa hadapan.

NBD kekal komited untuk memperkukuh kerjasama kastam serantau dan menyokong pembangunan komuniti ASEAN Customs yang moden, inovatif, berdaya tahan dan bersepadu, yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi mampan serta kemakmuran rantau ini.

Dukung inisiatif strategi penguatkuasaan yang inovatif

HONG KONG, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Jumaat, 5 Jun. - Persidangan Ketua-ketua Pentadbiran Kastam Serantau Asia/Pasifik Pertubuhan Kastam Sedunia (WCO A/P RHCA) yang Ke-27 telah diadakan di Hong Kong, Republik Rakyat China pada 18 hingga 20 Mei 2026.

Pemangku Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Awang Muhammad Azizil Hakim bin Haji Brahim bersama pegawai kastam kanan, menghadiri mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Pejabat Sekretariat selaku Naib Pengerusi WCO bagi Rantau Asia/Pasifik (APVC), Li Kin-kei.

Mesyuarat tersebut menghimpunkan Ketua-ketua

Pentadbiran Kastam dari rantau WCO Asia/Pasifik, bersama wakil daripada entiti serantaunya, menggariskan komitmen kolektif untuk memajukan keutamaan serantau.

Melalui satu siri pembentangan peringkat tinggi dan perbincangan dinamik, para peserta menangani kebimbangan Asia/Pasifik yang mendesak, mempamerkan inisiatif kastam yang inovatif, strategi penguatkuasaan yang mantap dan kepelbagaian amalan latihan.

Perhimpunan itu bukan sahaja menonjolkan kepimpinan rantau ini, dalam membentuk amalan moden, tetapi juga memperkukuh budaya kerjasama dan pertukaran maklumat yang

kukuh, dalam kalangan ahli WCO Asia/Pasifik.

Dalam memupuk hubungan rapat dengan ahli WCO Asia/Pasifik, penjadualan komunikasi berkala mengenai isu kastam global semasa sesi tersebut, seperti dengan Pentadbiran Am Kastam Republik Rakyat China, Kastam Jepun, Kastam Republik Islam

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kastam dan Eksais Diraja**

Pakistan dan Setiausaha Agung WCO.

Persidangan WCO Asia/ RHCA Pasifik diadakan setiap tahun dan sesi Ke-28 dijadualkan diadakan sebelum akhir Jun tahun depan.

Di samping mesyuarat tersebut, JKED juga mengadakan

perbincangan dua hala dengan Perkhidmatan Kastam Republik Korea, memfokuskan kepada kemungkinan kerjasama kastam seperti Perjanjian Bantuan Bersama Kastam, memerangi perdagangan haram, inisiatif pembinaan kapasiti dan perkongsian maklumat.



SEKITAR perbincangan dua hala dengan Perkhidmatan Kastam Republik Korea, memfokuskan kepada kemungkinan kerjasama kastam seperti Perjanjian Bantuan Bersama Kastam, memerangi perdagangan haram, inisiatif pembinaan kapasiti dan perkongsian maklumat.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Amalan Membaca, Kunci Kejayaan'. Tarikh Tutup : 10 Jun 2026
- 'Makanan Segera dan Risiko Terhadap Kesihatan'. Tarikh Tutup : 17 Jun 2026
- 'Peranan belia dalam pembangunan negara'. Tarikh Tutup : 24 Jun 2026

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaja jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Sila Imbas Untuk
Khutbah Lengkap



جياتن حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JUDI: TERSELINDUNG DI SEBALIK HIBURAN

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 18 Zulhijjah 1447H / 05 Jun 2026M

ANTARA PUNCA UTAMA YANG MENDORONG SESEORANG TERJERUMUS DAN TERJEBAK KE DALAM PERJUDIAN IALAH:

- 1) Kurangnya pengetahuan dan penghayatan agama
- 2) Mengikut hawa nafsu
- 3) Tekanan hidup dan masalah sosioekonomi



ANTARA KESAN BURUK PERJUDIAN TERHADAP INDIVIDU DAN MASYARAKAT IALAH:

- 1) Keruntuhan akhlak dan maruah
- 2) Menyemai dendam dan permusuhan
- 3) Melalaikan tanggungjawab kepada Allah SWT
- 4) Dibebani hutang dan masalah kewangan
- 5) Terpesongnya akidah

HUKUM BERJUDI

Adalah **haram** melalui permainan, hiburan atau apa jua saluran yang mengandungi unsur pertaruhan.

Sesungguhnya Judi itu nampak mudah, menyeronokkan dan menjanjikan pulangan segera, tetapi akhirnya membawa kepada penyesalan, ketagihan, hutang, pertengkaran, keruntuhan rumah tangga dan hilangnya keberkatan dalam kehidupan.

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwat Masjid,
Kementerian Hal Ehwat Ugama, Negara Brunei Darussalam

MENANAMKAN RASA TANGGUNGJAWAB DALAM PENGURUSAN, PENYEMPURNAAN JENAZAH



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir pada Bengkel Pengurusan Jenazah bagi Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid DBM dan seterusnya menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima (atas kiri dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Jun. - Bagi menerapkan ilmu pengetahuan serta melahirkan pelapis baharu dalam bidang pengurusan jenazah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melalui Bahagian Hal Ehwal Belia dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara (DBM) serta

Syababussalam, Belia Masjid Omar 'Ali Saifuddin, menganjurkan Bengkel Pengurusan Jenazah bagi Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid DBM. Sehubungan itu, Majlis Penutup serta Penyampaian Sijil Bengkel Pengurusan Jenazah bagi Kumpulan Belia Masjid bagi DBM

Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi diadakan petang tadi di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara. Hadir dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Bengkel antara lain dihasratkan untuk menanamkan rasa tanggungjawab dalam pengurusan dan penyempurnaan jenazah, di samping menyemai kepercayaan masyarakat terhadap penglibatan golongan belia dalam pengurusan berkenaan. Selain itu, ia juga diharapkan

mampu menimbulkan kesedaran bahawa kematian itu pasti. Semoga dengan adanya bengkel seumpama berkenaan akan dapat melahirkan lebih ramai pelapis yang berkelayakan dalam penyempurnaan jenazah, khususnya daripada kalangan belia dan remaja, demi kesejahteraan masyarakat.


Memperkukuh keupayaan pengawalseliaan, memupuk pertukaran ilmu bermakna

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Jun. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) baru-baru ini telah mengadakan Mesyuarat Dua Hala kali Ke-2 bersama Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Occupational Safety and Health Division - OSHD), Kementerian Tenaga Kerja (Ministry of Manpower - MOM), Republik Singapura pada 21 Mei 2026. Mesyuarat berkenaan diadakan selepas pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai

Program Penempatan Kerja antara SHENA dan MOM pada 20 Mei 2026. Mesyuarat dua hala berkenaan memberikan peluang kepada kedua-dua belah pihak untuk membincangkan pelaksanaan terperinci Program Penempatan Kerja serta menegaskan semula komitmen bersama ke arah kerjasama yang lebih erat dalam mempertingkatkan piawaian keselamatan dan kesihatan tempat kerja. Dijadualkan bermula pada suku

ketiga 2026, program berkenaan dijangka akan memperkukuh keupayaan pengawalseliaan, memupuk pertukaran ilmu yang bermakna, serta memacu pembangunan profesional pegawai-pegawai daripada kedua-dua organisasi. Mesyuarat berkenaan turut membuka ruang dialog yang produktif mengenai peluang-peluang kerjasama dua hala yang lebih luas. SHENA menyatakan minat yang tinggi untuk melibatkan pakar-pakar subjek OSHD bagi menyampaikan program latihan dalaman yang khusus, bertujuan untuk meningkatkan kompetensi pengawalseliaan dan meningkatkan kapasiti organisasi dalam kalangan pegawai SHENA. Sementara itu, OSHD turut mengemukakan permintaan untuk mendapatkan sokongan SHENA bagi program latihan pemeriksa yang dirancang di bawah Pelan Kerja ASEAN Occupational Safety and Health Network (ASEAN-OSHNET) 2026-2030, yang dibangunkan dengan kerjasama International Labour



SEKITAR Mesyuarat Dua Hala kali Ke-2 bersama Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar, dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Tenaga Kerja, Republik Singapura telah berlangsung pada 21 Mei 2026 (atas dan bawah).

Organization (ILO). Mesyuarat berkenaan menekankan komitmen berterusan SHENA dan OSHD dalam memajukan kerjasama serantau serta meningkatkan piawaian keselamatan dan kesihatan tempat

kerja melalui pertukaran ilmu pengetahuan, pembinaan kapasiti yang kukuh, dan kolaborasi strategik, kesemuanya demi memupuk persekitaran tempat kerja yang lebih selamat, sihat dan lebih berdaya tahan di rantau ini.

>> Muka 12

Perbincangan penting juga tertumpu pada model kewangan jangka panjang yang mampan di sekitar tiga projek perintis ekonomi biru dalam pemulihan bakau, pemuliharaan penyusut dan pemulihan tiram. Inisiatif perintis berkenaan sedang dibangunkan untuk menunjukkan bagaimana pemuliharaan boleh menyokong pemulihan ekosistem, mata pencarian masyarakat, perkongsian Environmental, Social, and Governance (ESG), pembiayaan berasaskan alam semula jadi dan daya tahan iklim yang praktikal. Persidangan Kelestarian Lautan 2026 mewujudkan peluang kepada pelajar, penyelidik, penggubal dasar, perniagaan dan pengamal pemuliharaan untuk bertukar-tukar idea tentang bagaimana NBD boleh melindungi persekitaran marin dengan lebih baik sambil membangunkan laluan ekonomi biru yang baharu. Ia juga menghubungkan kerja kelestarian lautan NBD dengan ASEAN yang lebih luas dan perbualan global.

Sebagai sebahagian daripada OWB 2026, persidangan berkenaan mengukuhkan peranan lautan sebagai lebih daripada isu alam sekitar. Ia berkait rapat dengan ekonomi masa depan NBD, keselamatan makanan, daya tahan iklim, peluang belia, mata pencarian masyarakat dan ketahanan nasional jangka panjang.

OWB 2026 diteruskan dengan program penglibatan awam, aktiviti pemuliharaan, pameran, bengkel dan inisiatif ekonomi biru yang bertujuan untuk menggalakkan penyertaan yang lebih luas dalam kelestarian lautan.

Persidangan berkenaan diakhiri dengan mesej bersama bahawa melindungi lautan dan pembangunan ekonomi biru mesti bergerak bersama. Bagi NBD, ini memberi peluang untuk membangunkan model praktikal, berskala dan berfokuskan komuniti yang menyokong perlindungan alam sekitar dan peluang ekonomi masa depan.



PENGAMBILAN 30 PELATIH KRU KABIN BAHARU RB

Siaran Akhbar dan Foto : Syarikat Penerbangan Diraja Brunei



PARA pelatih Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (Royal Brunei Airlines - RB) baharu dan ahli keluarga mereka di sesi alu-aluan khas yang telah diadakan baru-baru ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Jun. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (Royal Brunei Airlines - RB) hari ini telah mengalu-alukan seramai 30 pelatih kru kabin baharu di bawah Pengambilan Kru Kabin Ke-151, sekali gus menandakan pengambilan terbesar dalam

sejarah syarikat penerbangan berkenaan.

Pencapaian penting berkenaan mencerminkan komitmen berterusan RB dalam memperkukuh tenaga kerjanya serta melabur dalam pembangunan bakat masa depan selaras dengan pertumbuhan dan

perkembangan syarikat penerbangan berkenaan.

Para pelatih telah dipilih melalui proses pengambilan yang komprehensif dan sangat kompetitif, dengan mengenal pasti individu yang mempunyai potensi tinggi untuk mewakili syarikat penerbangan serta Negara Brunei Darussalam di peringkat antarabangsa.

Bagi memperingati peristiwa istimewa berkenaan, RB telah menganjurkan sesi alu-aluan khas yang dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif Interim, Kolonel Dayang Norsuriati binti Haji Sharbini, bersama ahli-ahli pasukan pengurusan eksekutif, para pelatih dan ahli keluarga mereka.

Sesi berkenaan turut menekankan kepentingan sokongan keluarga dalam perjalanan para pelatih, sekali gus memperkukuh kerjasama antara syarikat penerbangan, kakitangannya dan insan tersayang mereka.

Kolonel Dayang Norsuriati dalam ucapan alu-aluannya mengucapkan tahniah kepada para pelatih baharu dan

menekankan kepentingan peranan mereka sebagai duta masa depan RB dan NBD.

Jelasnya, komitmen syarikat penerbangan berkenaan untuk menyediakan program latihan berstruktur selama dua tahun yang tertumpu kepada profesionalisme dan kecemerlangan perkhidmatan, sambil mengekalkan nilai-nilai teras RB, iaitu keselamatan, integriti dan kecemerlangan operasi.

Beliau juga menyatakan harapan agar pengambilan terbaharu berkenaan dapat meneruskan kejayaan yang telah diiktiraf oleh World Travel Awards yang berprestij, sekali gus menekankan komitmen RB yang teguh untuk memberikan perkhidmatan bertaraf dunia yang mencerminkan nilai-nilai NBD, iaitu keramahan, kemesraan dan keikhlasan rakyat NBD.

Program *onboarding* berkenaan merangkumi perjanjian ikatan perkhidmatan yang mencerminkan komitmen bersama, bagi memastikan para pelatih menerima pembangunan dan sokongan berterusan sambil



KETUA Pegawai Eksekutif Interim RB, Kolonel Dayang Norsuriati binti Haji Sharbini semasa berucap.

menyumbang secara bermakna kepada organisasi.

Seiring dengan langkah RB meneruskan perjalanannya ke hadapan, syarikat penerbangan berkenaan tetap komited untuk memupuk bakat serta memberikan perkhidmatan yang cemerlang, sambil dengan bangganya mewakili NBD di persada dunia.

54 belia sertai Program Literasi Penerangan



PEMANGKU Ketua Bahagian Komunikasi Strategik, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim hadir pada majlis pembukaan Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Brunei dan Muara.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Khamis, 4 Jun. - Sebagai salah satu landasan dalam menyampaikan maklumat rasmi dan maksud kerajaan dalam kalangan belia, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan,

Bahagian Komunikasi Strategik menganjurkan Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Brunei dan Muara, selama dua hari bermula hari ini hingga 6 Jun 2026.

Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Brunei dan Muara kali ini disertai oleh seramai

54 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), University of Leicester, United Kingdom; Kolej Perniagaan Laksamana (LCB), Kolej International Graduate Studies (KIGS), Politeknik Brunei, Institut Pendidikan Teknikal (IBTE), para lepasan ijazah, belia pencari pekerjaan dan para pelajar yang sedang menjalani cuti persekolahan.

Hadir pada Majlis Pembukaan program tersebut yang berlangsung di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan, Berakas ialah Pemangku Ketua Bahagian Komunikasi Strategik, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim.

Sementara itu, Ketua Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Komunikasi Strategik selaku Urus Setia program, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris dalam ucapannya antara lain menyentuh Program Literasi

Penerangan ini merupakan salah satu usaha Jabatan Penerangan dalam merealisasikan visi jabatan iaitu 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat', di samping terus memperluaskan penyampaian maklumat mengenai dasar dan aktiviti kerajaan melalui pelbagai platform dan pendekatan yang bersesuaian.

Menurutnya, Jabatan Penerangan menyedari bahawa golongan belia merupakan aset penting negara dan memainkan peranan besar dalam mencorakkan masa depan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, jelasnya lagi, program ini diwujudkan khusus bagi memberikan pendedahan kepada para belia mengenai dasar-dasar negara, kenegaraan, pembangunan diri serta nilai-nilai jati diri dan keterangkuman (*inclusivity*).

Beliau seterusnya menjelaskan, program ini diharapkan dapat memberikan impak positif kepada para peserta dalam memajukan diri yang secara tidak langsung akan membantu negara ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi.

Sepanjang program dua hari ini,

para peserta program didedahkan dengan pelbagai maklumat semasa termasuk memahami konsep keterangkuman (*inclusivity*) melalui pengisian seperti taklimat, aktiviti dan lawatan ke agensi-agensi yang terpilih.

Para peserta akan diberikan taklimat antaranya mengenai 'Raja Kita, Menghayati Bendera & Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' dari Jabatan Penerangan; Ceramah Motivasi dari Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor dan 'Aspirasi Belia' dari Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Selain itu, para peserta juga mengadakan lawatan ke Kompleks Rumah Kebajikan (KRK), Jalan Subok di mana mereka berpeluang mendengarkan taklimat mengenai KRK.

Jabatan Penerangan dalam memantapkan lagi visi 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat' akan sentiasa mempelbagaikan platform perbincangan mengenai maklumat mengenai dasar dan aktiviti kerajaan di samping memberikan peluang untuk Jabatan Penerangan untuk lebih memahami lagi kehendak semasa dalam kalangan belia.



SEBAHAGIAN daripada peserta program tersebut.



CERAMAH Motivasi dari Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Iklan Tarikh Lanjutan

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
(II & III Sahaja)

Kategori:
[P02 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
2 Jun 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup:
9 Jun 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 001 / 2026

Nama Projek:
Pembekalan Dan Penghantaran
Perkakas Makmal Dan Reagen
Untuk Pensampelan Air Dan
Analisis Mikrobiologi Bagi
Makmal Perkhidmatan Air,
Jabatan Perkhidmatan Air,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran:**
20 Mei 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
9 Jun 2026
Jam 3.00 Petang



**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 134 / 2025

Tajuk:
Wayleave Maintenance Of 28ft /
35ft Of 415V/11KV Overhead Line
And Poles In Brunei Muara District
For A Period Of Three (3) Years
(Recall)

Tarikh Tutup:
23 Jun 2026
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Harga Dokumen:
BN100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran
Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam



Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 23 / 2026

Nama Projek:
Membaik Pulih Dan Menurap
Semula Lebuhraya
Tungku – Hala BSB,
Fasa 2 – Tawaran Semula

Yuran Tawaran:
BND300.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada



**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Jawatan Kosong Sebagai
Penghulu Mukim Tingkat III -
PMKK.4
(BND3,880 - BND4,240)**

Bagi

Daerah Tutong

Mukim Rambai

Adalah dimaklumkan bahawa
Jabatan Daerah Tutong,
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri dengan sukacitanya
mempelawa dan menjemput
penduduk-penduduk yang
bermastautin di Daerah Tutong
untuk menghadapi pencalonan
bagi mengisikan jawatan sebagai
Penghulu Mukim Rambai,
Daerah Tutong.

**Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:**

**Keterangan lanjut dan
borang pencalonan boleh
didapati dan dikembalikan
ke alamat seperti berikut:-
Bahagian Institusi
Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Tutup mengemalikan
borang pencalonan adalah pada
Selasa,
30 Jun 2026,
jam 4.00 petang.**

Sebarang pertanyaan
bolehlah menghubungi
melalui talian 4222491
sambungan 110 / 111 atau
alamat E-mel kepada
imk.jdt@tutong.gov.bn



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Sebut Harga:
JDB / 2.2 / PA SYSTEM DEWAN
SANTAP / B / 2026

Tajuk Projek:
Sebut harga Bagi Menyewakan
Dan Mengendalikan Set
Pembesaran Suara (PA System)
Untuk Majlis Santap Sempena
Sambutan Perayaan Ulang Tahun
Keputeraan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Yang
Ke-80 Bagi Tahun 2026 Peringkat
Daerah Belait

Bilangan Sebut Harga:
JDB / 2.3 / PA SYSTEM PENTAS
MALAM PERAYAAN / C / 2026

Tajuk Projek:
Sebut harga Bagi Pakej
Menyewakan Dan Mengendalikan
Set Pembesaran Suara (PA System)
Bagi Persembahan Pentas Malam
Perayaan Sempena Sambutan
Perayaan Ulang Tahun
Keputeraan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Yang
Ke-80 Bagi Tahun 2026 Peringkat
Daerah Belait

Tarikh Tutup:
Selasa, 16 Jun 2026



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
JKP / SH / 2026 – 2027 / 06 (R)

Tajuk Sebut Harga:
Appointment Of An Agency For
Conducting, Monitoring, And
Managing Mystery Shopper
System Under The Nationwide
Mesra Campaign

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 18 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
*Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian*



1. Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 08 / 2026

Tajuk Tawaran:
Supply And Installion New
Framing And Glass Window At
Dewan Santap, Jalan Maulana
Kuala Belait (Phase II)

2. Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 03 / 2026

Tajuk Tawaran:
1 Year Term Contract For
Cleaning, Sanitizing, Unclogging &
Removal Of Debris Or Blockage
On Manholes Under Belait District
Office Asset

3. Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 02 / 2026

Tajuk Tawaran:
Term Contract (24 Month) For
Refuse Collection Within Jabatan
Daerah Belait Area

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
23 Jun 2026 (Selasa)



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU /
TL / TA / 6008

Pembelian Pangkat Slip On,
Epaulette Dan Patches Bagi
Kegunaan Baju Uniform Pegawai
Dan Anggota Tentera Laut Diraja
Brunei

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah satu
(1) minggu sebelum tarikh tutup
tawaran, iaitu **Selasa,
30 Jun 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 7 Julai 2026
2.00 Petang



**PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
PPN / ASSET / BUUMM /
CONTRACT / 2026 / 5 / 2
Provision Of Security Guard
Services For Law Building,
Attorney General's Chambers,
Jalan Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
16 Jun 2026
Tidak lewat
jam 2.00 Petang





KEMENTERIAN KESIHATAN

Pemberitahuan Tawaran
Negara Brunei DarussalamBilangan dan Keterangan Tajuk
Tawaran:

KK / 93 / 2026 / TUT
Supply, Fabricate And Install Two
Soundproof Room For New
Audiology Room, PMMPMHAMB
Hospital Tutong

Kelayakan Pemborong /
Pembekal:

Berdaftar dengan Kementerian
Pembangunan dan / atau
Kementerian Kesihatan

Kelas:

II dan ke atas

Kategori:

B01

Bayaran Yuran Tawaran:

BND30.00

Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:

KK / 94 / 2026 / UPP
Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning
Tourniquet System For Operating
Theatre At Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha Hospital

Bayaran Yuran Tawaran:

BND10.00

Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:

KK / 95 / 2026 / SSBH
Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning
Delivery Beds For Suri Seri
Begawan (SSB) Hospital,
Kuala Belait

Bayaran Yuran Tawaran:

BND30.00

Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:

KK / 96 / 2026 / TUT (TC)
The Provision Of Catering
Services For The Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji
Al-Muhtadee Billah
(PMMPMHAMB) Hospital Tutong,
National Isolation Centre, National
Isolation Centre Extension (NICE)
And Tutong Dialysis Centre
For A Period Of
Five (5) Years

Bayaran Yuran Tawaran:

BND500.00

Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:

KK / 97 / 2026 / DSS (TC)
To Supply, Deliver And Install
Purified Gases (Gaseous And
Liquid Form) To Department Of
Scientific Services, Ministry Of

Health For A Period Of Five
(5) Years

Bayaran Yuran Tawaran:

BND500.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk
Tawaran:

KK / 98 / 2026 / JPK (TC)
The Provision Of Security
Services For Pengkalan Batu
Health Centre, Department Of
Health Services, Ministry Of
Health For A Period Of Two
(2) Years

Kelayakan Pemborong /
Pembekal:

Berdaftar dengan Kementerian
Kesihatan dan Pasukan Polis
Diraja Brunei di Bahagian
Perlesenan Agensi Pengawal
Keselamatan

Bayaran Yuran Tawaran:

BND30.00

Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:

KK / 99 / 2026 / ESTETMOH (TC)
The Provision Of Maintenance
Services For Fume Cupboards At
Clinical Molecular Diagnostics
Laboratory For Infectious
Diseases (CMDLID) For A Period
Of Three (3) Years

Kelayakan Pemborong /
Pembekal:

Syarikat yang berdaftar dengan
Kementerian Kesihatan serta
memiliki Sijil Pendaftaran
Perniagaan di bawah Seksyen 16
dan 17, khususnya dalam bidang
pembekalan peralatan perubatan,
hospital, saintifik dan pergigian,
adalah layak untuk menyertai
tender ini

Bayaran Yuran Tawaran:

BND30.00

Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:

KK / 100 / 2026 / HTD
One Off Preventive Maintenance
Services For Applied Biosystems
Equipment At Department Of
Scientific Services

Bayaran Yuran Tawaran:

BND30.00

Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:

KK / 101 / 2026 / HTD
Supply, Delivery, Installation,
Testing, Commissioning And
Upgrade Of Existing Surgical
Endoscopy Camera Head System
For Operating Theatre,
RIPAS Hospital

Bayaran Yuran Tawaran:

BND10.00

Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:

KK / 102 / 2026 / SSBH
Kerja-Kerja Mencat Serta
Membaikpulih Keretakan
Keseluruhan Permukaan Dinding
Luar Bangunan Serta
Penambahan Atap Baru
Blok K, E Dan R Hospital Suri
Seri Begawan,
Kuala Belait

Kelayakan Pemborong /
Pembekal:

Berdaftar dengan Kementerian
Pembangunan dan Kementerian
Kesihatan

Kelas:

II dan III

Kategori:

B01, E01 & KA01

Bayaran Yuran Tawaran:

BND30.00

Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:

KK / 103 / 2026 / PPN (TC)
The Provision Of Patient Care
Assistant Services At The
Department Of Dental Services,
Ministry Of Health For A Period
Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:

BND50.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk
Tawaran:

KK / 14 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Bayaran Yuran Tawaran:

BND10.00

Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:

KK / 15 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Bayaran Yuran Tawaran:

BND10.00

Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:

KK / 16 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of

Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Bayaran Yuran Tawaran:

BND50.00

Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:

KK / 17 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Bayaran Yuran Tawaran:

BND50.00

Bilangan dan Keterangan
Tajuk Tawaran:

KK / 18 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Bayaran Yuran Tawaran:

BND10.00

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
9 Jun 2026

JABATAN BOMBA
DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Sebut Harga Bagi:

1. Replace Power Trim For 2 Units
150hp Mercury Outboard Engine
(RUJ: JBP / TSH / 02 /
2026 - 2027)
2. Membekal Dan Menghantar
Faceshield Transparent For Hero
Titan (Visor Helmet)
(RUJ: JBP / TSH / 03 /
2026 - 2027)
3. Membekal Dan Menghantar
Rescue Boots
(RUJ: JBP / TSH / 04 /
2026 - 2027)
4. Kontrak Berpenggal Bagi
Kerja-Kerja Pemotongan Rumput,
Pemotongan Dahan Pokok Dan
Membersihkan Longkang
Kawasan Dan Sekitar Kawasan
Ibu Pejabat Jabatan Bomba Dan
Penyelamat, Jalan Lapangan
Terbang Lama Berakas Bagi
Tempoh 36 Bulan
(RUJ: JBP / TSH / 05 /
2026 - 2027)

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis,
18 Jun 2026
(1.50 Petang)

Yuran Tawaran:
BND5.00

JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:

09 / BBS / SH / 2026 - 2027

Keterangan Projek:
Excavation And Laying Of PVC
Pipe At Padang Bandaran,
Jalan Sultan, Kuala Belait

Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Negara Brunei
Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non Refundable)

Bilangan Tawaran:
10 / BBS / SH / 2026 - 2027

Keterangan Projek:
Penyediaan Perkhemahan Ruang
Solat Dan Pos Kawalan
Keselamatan Gerai Perayaan Di
Kawasan Tudung Saji Sempena
Sambutan Perayaan Ulang Tahun
Keputeraan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Bagi
Daerah Belait

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non Refundable)

Tarikh Tutup:
Selasa,
9 Jun 2026

JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA

Bilangan Sebut Harga:

KHEU / JPI / JKS / PPS(JPI) /
2026 - 2027

Perkhidmatan Pembuangan
Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi
Bangunan Jabatan Pengajian
Islam, Blok 2 I,
Jalan Ong Sum Ping,
Bandar Seri Begawan,
BA1311

Bilangan Sebut Harga:

KHEU / JPI / JKS /
PPR (K) / 2026 - 2027
Perkhidmatan Pemotongan
Rumput Tempoh 2 Tahun Bagi
Zon 'K'

Di Bawah Kawalan
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal EHWAL Uagama
Negara Brunei Darussalam
Tahun 1447H-1448H /
2026M-2027M

Tarikh Tutup:

Rabu,
24 Zulhijah 1447H /
10 Jun 2026M





**RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 30 / 26-27

Supply and Delivery of Lighting Console for Outside Broadcast

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 31 / 26-27

Supply and Delivery of Wireless Monitoring System kit for OB Facilities

Bayaran Yuran:
BND5.00

(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00

(jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:

Rabu,
10 Jun 2026,
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 41 / 26 - 27

Supply Of Food Packs Meal For Committee Staff Members For 23rd Asean Senior Officials Meeting Responsible For Information (SOMRI), 23-25 June 2026, Bandar Seri Begawan

Yuran Sebut Harga (Termasuk E-Dokumen):
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy):
BND5.00

(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:

Rabu,
10 Jun 2026,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Jawatan Kosong Sebagai

Ketua Kampung Tingkat I PMKK.3
(BND2,270 - BND4,240)

Atau

Ketua Kampung Tingkat II PMKK.2
(BND1,990 - BND2,970)

Atau

Ketua Kampung Tingkat III PMKK.1
(BND1,280 - BND2,270)

bagi

Daerah Tutong

1. Kampung Merimbun, Mukim Rambai
2. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 2, Mukim Telisai
3. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 4, Mukim Telisai
4. Kampung Bukit Sulang, Menengah dan Panchong, Mukim Lamunin
5. Kampung Sinaut dan Sungai Kelugos, Mukim Keriam

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal EHWal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kampung yang tersenarai di atas bagi untuk menghadapi pencalonan bagi mengisi jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung.

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-
Bahagian Institusi Mukim dan Kampung Jabatan Daerah Tutong Kementerian Hal EHWal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Selasa, 30 Jun 2026 jam 4.00 petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian 4222491 sambungan 110 / 111 atau alamat e-mel kepada imk.jdt@tutong.gov.bn



**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Sijil, transkrip dan pengiktirafan Peminatan Pengiktirafan Kelulusan (PKPK) yang berkenaan)
4. Tandakan "..." pada kotak semak "Jawatan Selarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapi Maklumat (Surat / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelengkapan profesional dan lain-lain yang dipertingkatkan di dalam skim iklan)

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PEGAWAI KASTAM JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2026/MAY/01/IKKW	KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	11	7(A)	10 JUN 2026
2. PENOLONG PEGAWAI PERHUTANAN TINGKAT I JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2026/MAY/02/KSSUP	KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	01	7(A)	10 JUN 2026
3. PENYELIA TELEPRINTER PENERBANGAN JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2026/MAY/02/KPI	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	01	7(A)	10 JUN 2026
4. PENERBIT TINGKAT II JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2026/MAY/06/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	10	7(A)	10 JUN 2026
5. JURUTEKNIK PADI JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN D.3-4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2026/MAY/03/KSSUP	KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	01	7(A)	10 JUN 2026
6. PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (SPEECH AND LANGUAGE THERAPY) JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II) 2026/MAY/03/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	08	7(A)	13 JUN 2026

- PERINGATAN
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG"
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANAKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



**MAKLUMAT
TATACARA PENYAMPAIAN DAN
MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN**

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat I, Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.
Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

**Makluman Pemberitahuan
Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

MFA / SEC / 008 / 2026
Membekalkan Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Bangunan Kementerian Hal EHWal Luar Negeri Di Jalan Perayaan Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**

Rabu,
10 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

**Bilangan dan Rujukan
Tajuk Tawaran:**

JKED / TAWARAN / UPICT / BPPK / Q / 2026-07
Pembekalan Barang Guna Habis Mesin Pencetak (Toner, Drum Dan Maintenance Box) Bagi Kegunaan Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

Tarikh Tutup:

Selasa,
9 Jun 2026
Jam 2.00 Petang





**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Sebut Harga:
(30) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Jabatan Penerangan
BG 4979 Mitsubishi Pajero Sport
2012 Diesel 4 Cylinder.

Bilangan Sebut Harga:
(31) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Jabatan Penerangan
BG 4980 Mitsubishi Pajero Sport
2012 Diesel 4 Cylinder.

Bilangan Sebut Harga:
(32) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga :
Dismantling, Supply, Delivery,
Install, Testing And Commissioning
New Waterproof Bulb Belt / Bulb
Holder And New Waterproof Led
Bulbs C/W All Necessary
Accessories And Wiring
At Bangunan Asal
Jabatan Penerangan

Yuran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Khamis, 11 Jun 2026
Jam 8.00 Pagi



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
10 / MAY / 2026 / KKBS / PJK /
16.91

Anti Termite Control And
Treatment At Ministry Of Culture,
Youth And Sports Main Building At
Jalan Kebangsaan And Sinarubai
Storage At Jalan Bengkurong,
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 18 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
(33) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Troubleshoot And Servicing Works
For 70kva Standby Generator
(Genset) Bangunan Tambahan
Jabatan Penerangan.

Bilangan Sebut Harga:
(34) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Supply, Replace And Install
New Digital Type Of Controller
For 70kva Standby Generator
(Genset) Bangunan Tambahan
Jabatan Penerangan.



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan Nama Dokumen
Sebut Harga:**

09 / DBP / SH / 2026-2027
Term Contract For Maintenance
Grass Cutting And
Landscaping To:
1. Dewan Bahasa dan
Pustaka Berakas
2. Dewan Bahasa dan
Pustaka Muara
3. Dewan Bahasa dan
Pustaka Sengkurong
4. Dewan Bahasa dan
Pustaka Lambak Kanan For
The Periods Of 24 Months,
Department Of
Dewan Bahasa dan
Pustaka Brunei

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Selasa,
16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
(35) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Dismantle Defected SPD,
Supply And Install New Unit For
Essential DB C/W All
Necessary Accessories
With Testing.

Bilangan Sebut Harga:
(36) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Servicing Lima (5)
Kenderaan Jabatan
Penerangan.

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis,
11 Jun 2026
Jam 8.00 Pagi



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA**

Bil. Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 01 /
2026 - 2027

Keterangan:
Membekal, Menyediakan dan
Mengemas Jamuan Bagi Majlis
Penghargaan Pelajar-Petajar
Cemerlang Kementerian Hal
Ehwal Ugama Negara Brunei
Darussalam Tahun
1447H / 2026M

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Bil. Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 02 /
2026 - 2027

Keterangan:
Membekal, Menghantar,
Memasang, Menguji Perkakas
Dan Peralatan Dapur Bagi Dapur
Di Persekolahan Arab,
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Tahun 1447H-1448H /
2026M-2027M

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)



**INSTITUT TAHFIZ
AL-QURAN SULTAN HAJI
HASSANAL BOLKIAH
KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

ITQ / T / 2106 / 26 - 28
(LANDSCAPING)
Term Contract (24 Months)
For Maintenance Of Landscaping
And Grasscutting Works To
Institut Tahfiz Al-Quran Sultan
Haji Hassanal Bolkiah
Building Compound,
Negara Brunei Darussalam

Kelas:
I & II

Kategori:
S03 & KP12

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Rabu,
24 Jun 2025
Jam 2.00 Petang



Bil. Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 65(13) /
2026 - 2027

Keterangan :
Sebut Harga Bagi Membekal,
Menghantar, Memasang Tangki
Air Serta Pump Dan Pembinaan
Tempat Berwuduk Bagi
Sekolah Arab Sultan
Haji Hassanal Bolkiah,
Rimba Di Bawah Kawalan
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam
Tahun 1447H - 1448H /
2026M - 2027M

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
24 Zulhijah 1447H /
10 Jun 2026M
Tidak lewat
jam 2.00 petang.



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
12 / BBS / SH / 2026 - 2027

Keterangan Projek:
Removal Of Litter And
Majlis Ramah Mesra Rakyat
At Padang Bandaran And
Dewan Persidangan Kuala Belait
In Conjunction With
The 80th Birthday Celebrations
Of His Majesty The Sultan
and Yang Di-Pertuan
Of Brunei Darussalam,
2026.
(12/BBS/SH/2026-2027)

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non Refundable)

Tarikh Tutup :
Selasa, 23 Jun 2026



**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDBM / LTN- 001 / 2026

Tawaran:
Menaik Taraf Jambatan Kayu
Sepanjang 1.750 Kilometer
Kepada Tiang Dan Pak Konkrit
Serta Lantai Dan Gelagar Kayu
Bertempat Mukim Burong Pingai
Ayer, Mukim Kota Batu Dan
Mukim Sungai Kebun Untuk
Tempoh Empat (4) Tahun,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran:
JDBM / LTN - 002 / 2026

Tawaran:
Menaik Taraf Jambatan Kayu
Sepanjang 1.137 Kilometer
Kepada Tiang Dan Pak Konkrit
Serta Lantai Dan Gelagar Kayu
Bertempat Mukim Saba Untuk
Tempoh Empat (4) Tahun,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:
Isnin, 15 Jun 2026



MENGUKUHKAN SEMANGAT SOLIDARITI, PATRIOTIK PENUNTUT

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



SESI bergambar ramai pada program berkenaan yang diadakan di Theatre International School Brunei (atas kanan). Manakala gambar atas kiri, antara yang menyertai Kuiz Kenegaraan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Jun. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Komunikasi Strategik telah mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu

Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bertempat di Theatre International School Brunei (ISB). Taklimat disampaikan oleh Ketua Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim kepada seramai 70 penuntut Tahun 7. Turut hadir, Timbalan Pengetua Menengah, Ai Ling Wong serta

para tenaga pengajar. Selain mendengarkan taklimat, para penuntut juga menyaksikan tayangan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera' serta berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi menguji dan meningkatkan kefahaman mengenai kandungan taklimat. Taklimat diakhiri dengan

penyampaian hadiah Kuiz Kenegaraan. Program merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama,

bangsa dan negara. Selain itu, ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

Membina keyakinan diri, semangat bekerjasama dalam kumpulan



PROGRAM berkenaan menekankan nilai adab dan disiplin melalui aktiviti Good Manners dan Solat Squad Zone, dengan peserta dibimbing untuk lebih berani, bertanggungjawab dan menghormati rakan-rakan sepanjang program berlangsung.

Siaran Akhbar dan Foto : Nuqra Math Learning Centre

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Jun. - Nuqra Math Learning Centre telah menganjurkan Program Cuti Sekolah : Nuqra Mathio Galaxy, sebuah program pembelajaran interaktif yang direka khas untuk kanak-kanak berumur enam tahun hingga 11 tahun bagi mengisi cuti sekolah dengan aktiviti yang menyeronokkan, terarah dan bermakna.

Dengan konsep 'Bukan Sekadar Main, Setiap Mission Ada Tujuan',

program berkenaan menggabungkan pembelajaran Matematik, Bahasa Melayu dan *social skills* melalui aktiviti berbentuk misi. Setiap aktiviti dirancang bagi membantu peserta belajar secara *fun, guided* dan *meaningful*, sambil membina keyakinan diri serta semangat bekerjasama dalam kumpulan.

Selain pembelajaran akademik, Nuqra Mathio Galaxy turut

menekankan nilai adab dan disiplin melalui aktiviti Good Manners dan Solat Squad Zone, dengan peserta dibimbing untuk lebih berani, bertanggungjawab dan menghormati rakan-rakan sepanjang program berlangsung.

Penganjuran Nuqra Mathio Galaxy berkenaan mencerminkan komitmen Nuqra Math Learning Centre dalam menyediakan pengalaman pembelajaran yang kreatif, menyeronokkan dan sesuai dengan perkembangan kanak-kanak masa kini.

Beri pendedahan mengenai pengurusan haiwan ternakan

Berita dan Foto : Ihsan Adnan Kambor

BELAIT, Rabu, 3 Jun. - Seramai 13 pelajar yang mengambil mata pelajaran pertanian dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong telah mengikuti lawatan sambil belajar ke Brugoat Farming & Trading Sdn. Bhd. yang terletak di Lot. 338, Simpang 1150, Kampung Tunggulian, Sungai Liang.

Lawatan berkenaan disertai oleh dua guru pengawas bersama tiga kakitangan sokongan.

Aktiviti berkenaan bertujuan memberi pendedahan secara langsung kepada pelajar mengenai pengurusan haiwan ternakan, khususnya kambing, dalam persekitaran ladang sebenar.

Sepanjang lawatan, para pelajar berpeluang mempelajari pelbagai aspek penternakan kambing termasuk cara pengurusan yang teratur, teknik pembiakan terpilih (*selective breeding*) yang betul, proses cerai susu (*weaning*), penyediaan tempat tinggal haiwan serta sistem pemakanan.

Selain itu, pelajar juga diberi peluang untuk memberi makan dan menyusukan anak kambing serta mempelajari cara memproses makanan menggunakan rumput Napier.

Para pelajar turut didedahkan kepada kepentingan penyediaan dan penggunaan rekod ternakan yang sistematik bagi tujuan pemantauan kesihatan, pembiakan dan pengurusan ladang yang lebih berkesan.

Lawatan berkenaan memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna dan praktikal kepada pelajar dalam memahami kaedah penternakan moden.

Diharapkan pengalaman berkenaan dapat meningkatkan minat pelajar terhadap bidang pertanian dan membuka peluang kepada mereka untuk menceburi sektor berkenaan pada masa hadapan.



PELAJAR menerima taklimat mengenai pengurusan penternakan kambing semasa lawatan ke Brugoat Farming di Sungai Liang.

CFTE33 KETENGAHKAN PELUANG PERDAGANGAN, KERJASAMA SERANTAU

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



MENANDATANGANI perjanjian bagi pihak penganjur ialah Pengurus Operasi D'Sunlit Sdn. Bhd., Ngu Ting Siang dan disaksikan oleh Ketua Jualan D'Sunlit Sdn. Bhd., Mike Chia (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Jun. - Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan (CFTE33) bakal kembali berlangsung dari 24 hingga 28 Jun ini di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas dengan menampilkan pelbagai produk, perkhidmatan dan inovasi daripada pelbagai sektor industri.

Sebagai persediaan menjelang acara berkenaan, D'Sunlit Sendirian Berhad hari ini mengadakan Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama bersama rakan-rakan strategiknya di dewan serbaguna syarikat tersebut.

Majlis berkenaan menandakan kerjasama rasmi antara D'Sunlit Sdn. Bhd. dan para rakan strategik bagi penganjuran CFTE33 yang pada tahun ini membawa tema 'Multiply The Moment', yang menggambarkan bagaimana setiap kunjungan, pembelian, perbualan dan interaksi perniagaan

mampu mencipta lebih banyak peluang, pengalaman serta hubungan baharu.

Menandatangani perjanjian bagi pihak penganjur ialah Pengurus Operasi D'Sunlit Sdn. Bhd., Ngu Ting Siang dan disaksikan oleh Ketua Jualan D'Sunlit Sdn. Bhd., Mike Chia.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2008, Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan terus berkembang sebagai antara platform pameran pengguna dan perdagangan yang utama di Negara Brunei Darussalam.

Penganjuran kali ini dijangka menyediakan peluang kepada para peserta pameran untuk meningkatkan keterlihatan jenama, memperluaskan rangkaian perniagaan serta berinteraksi secara langsung dengan pelanggan dan rakan perniagaan berpotensi.

Bagi mengukuhkan lagi kedudukan Negara Brunei

Darussalam sebagai hab perdagangan dan kerjasama komersial serantau, CFTE33 turut menampilkan penyertaan antarabangsa dan perusahaan tempatan menerusi pavilion khas dan ruang pameran berfokuskan perniagaan.

Antara tarikan utama yang bakal diketengahkan ialah Pavilion Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) Tempatan Brunei dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) serta Ekspo Produk Perakayuan anjuran Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut memeriahkan ekspo tersebut ialah Thailand Grand Fair, Mega India Expo dan penyertaan daripada Department of Industrial Development and Research (DIDR), Sabah, yang dijangka dapat memperkukuhkan penglibatan serantau serta kepelbagaian produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.

CFTE33 juga akan meneruskan inisiatif Business Matchmaking bagi menghubungkan pembeli, peserta pameran, pembekal, pendedar dan wakil perniagaan dengan peluang kerjasama yang bersesuaian.

Inisiatif tersebut bertujuan memudahkan pencarian rakan strategik, mengatur pertemuan perniagaan serta meneroka peluang kerjasama baharu.

Selain itu, pengunjung juga berpeluang menyertai cabutan bertuah utama (Grand Lucky Draw), di mana satu penyertaan akan diberikan bagi setiap pembelian yang dibuat di gerai-gerai yang mengambil bahagian.

Hadiah utama berupa sebuah Toyota Altis tajaan NBT (Brunei) Sendirian Berhad menanti seorang

pemenang bertuah, di samping pelbagai hadiah menarik yang lain.

CFTE33 akan berlangsung dari jam 10 pagi hingga 10 malam

setiap hari, manakala pada hari Jumaat operasi akan dihentikan sementara dari jam 12 tengah hari hingga 2 petang bagi memberi laluan kepada Solat Jumaat.



Timba pengetahuan sejarah, warisan maritim, arkeologi

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan Muzium Maritim Brunei Darussalam



AKTIVITI Muzium Maritim Brunei Darussalam bersempena Cuti Persekolahan telah diadakan dari hari Selasa, 2 Jun hingga Sabtu, 6 Jun 2026 dengan tujuan memberi peluang kepada kanak-kanak dan pelajar untuk memanfaatkan cuti sekolah dengan aktiviti yang bukan sahaja menghiburkan, malah turut menambah pengetahuan mengenai sejarah, warisan maritim serta bidang arkeologi.

KOTA BATU, Khamis, 4 Jun. - Bagi mengisi masa lapang para pelajar sepanjang cuti persekolahan dengan aktiviti yang berfaedah dan menyeronokkan, Muzium Maritim Brunei Darussalam menganjurkan Aktiviti Muzium Maritim Brunei Darussalam bersempena Cuti Persekolahan yang bermula pada Selasa, 2 Jun hingga Sabtu, 6 Jun

2026. Program yang diadakan di Muzium Maritim Brunei Darussalam itu bertujuan memberi peluang kepada kanak-kanak dan pelajar untuk memanfaatkan cuti sekolah dengan aktiviti yang bukan sahaja menghiburkan, malah turut menambah pengetahuan mengenai sejarah, warisan maritim serta bidang

arkeologi.

Sepanjang program tersebut, para pengunjung berpeluang menyertai pelbagai aktiviti interaktif yang telah disediakan, antaranya aktiviti mewarna, puzzle, kuiz dan ekskavasi mini. Aktiviti-aktiviti tersebut direka khas bagi merangsang kreativiti, meningkatkan kemahiran berfikir serta menggalakkan pembelajaran secara santai dalam suasana muzium yang kondusif.

Aktiviti mewarna memberikan peluang kepada peserta, khususnya kanak-kanak, untuk mengekspresikan kreativiti mereka sambil mengenali elemen-elemen berkaitan sejarah dan warisan maritim negara. Sementara itu, aktiviti puzzle pula menguji daya pemikiran dan kemahiran menyelesaikan masalah melalui penyusunan gambar atau maklumat berkaitan pameran yang terdapat di muzium.

Selain itu, kuiz yang diadakan turut menarik minat para peserta untuk menguji pengetahuan mereka mengenai sejarah maritim, artifak serta pelbagai fakta menarik yang dipamerkan di muzium. Melalui pendekatan yang menyeronokkan ini, para peserta dapat memperoleh ilmu baharu sambil berinteraksi dengan rakan-rakan dan ahli keluarga.

Salah satu aktiviti yang mendapat perhatian ialah ekskavasi mini, yang memberikan pengalaman simulasi kerja-kerja arkeologi kepada para peserta. Aktiviti ini membolehkan mereka merasai sendiri proses mencari dan mengenal pasti artifak seperti yang dilakukan oleh ahli arkeologi, sekali gus menimbulkan minat terhadap bidang sejarah dan pemeliharaan warisan.

Penganjuran aktiviti sempena cuti persekolahan ini juga mencerminkan usaha berterusan pihak muzium dalam menjadikan institusi tersebut sebagai pusat pembelajaran tidak formal yang

menarik dan mesra keluarga. Di samping dapat mengisi masa lapang dengan aktiviti yang bermanfaat, peserta turut berpeluang memperluas pengetahuan serta menghargai kepentingan sejarah dan warisan negara.

Program seumpama ini diharapkan dapat terus menarik penyertaan masyarakat, khususnya golongan muda, agar mereka lebih dekat dengan institusi muzium serta memahami peranannya dalam memelihara dan mempromosikan khazanah sejarah negara untuk generasi akan datang.



AKTIVITI mewarna memberikan peluang kepada peserta untuk mengekspresikan kreativiti mereka sambil mengenali elemen-elemen berkaitan sejarah dan warisan maritim negara.

INFO Teknologi



Teknologi tanpa wayar : Merevolusi 'connectivity' dan gaya hidup digital

Pendahuluan

DALAM tempoh dua dekad yang lalu, dunia menyaksikan satu lonjakan besar dalam evolusi teknologi komunikasi. Jika dahulu kita terikat dengan kepanjangan kabel telefon atau wayar rangkaian, kini konsep 'tanpa wayar' atau *wireless* telah menjadi nadi kepada hampir setiap aspek kehidupan moden. Daripada hanya sekadar kemudahan, teknologi tanpa wayar telah bertukar menjadi keperluan asas yang menyokong ekonomi, pendidikan, perkhidmatan kesihatan, dan perhubungan sosial.

Teknologi tanpa wayar merujuk kepada penghantaran maklumat antara dua atau lebih titik yang tidak bersambung secara fizikal melalui wayar atau kabel.

Sejarahnya bermula dengan penciptaan radio oleh Guglielmo Marconi pada akhir abad ke-19, diikuti oleh televisyen, satelit, dan akhirnya rangkaian komputer mudah alih. Namun, titik perubahan paling signifikan berlaku pada tahun 1990-an dengan kemunculan rangkaian kawasan setempat tanpa wayar (WLAN) dan piawaian Wi-Fi, yang kemudiannya diikuti oleh revolusi telefon pintar dan rangkaian jalur lebar mudah alih seperti 3G, 4G, dan kini 5G.

Kegunaan teknologi tanpa wayar dalam kehidupan seharian, pekerjaan

Salah satu sumbangan terbesar teknologi tanpa wayar ialah penciptaan ekosistem Internet Perkara (Internet of Things - IoT). Melalui sambungan Wi-Fi, Bluetooth, Zigbee,

atau LoRaWAN, pelbagai peranti seperti peti sejuk, lampu, kamera litar tertutup, dan meter pintar boleh berkomunikasi antara satu sama lain tanpa campur tangan manusia. Contohnya, sebuah peti sejuk pintar boleh memberitahu telefon bimbit pemiliknya bahawa susu telah habis, atau sistem penyiraman taman boleh diaktifkan secara automatik berdasarkan ramalan cuaca. Fenomena ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan tenaga dan keselesaan, malah membuka ruang kepada inovasi dalam pertanian tepat, pengurusan bandar pintar, dan logistik moden.

Sektor perkhidmatan kesihatan juga telah berubah secara radikal. Peranti boleh pakai seperti jam tangan pintar dan gelang kecergasan menggunakan Bluetooth untuk memantau degupan jantung, tekanan darah, tahap oksigen dalam darah, dan kualiti tidur secara masa nyata. Data ini boleh dihantar terus kepada doktor atau sistem hospital melalui rangkaian mudah alih. Teleperubatan (*telemedicine*) menjadi kenyataan apabila pesakit di kawasan pedalaman atau terpencil boleh berunding dengan pakar di bandar besar tanpa perlu menempuh perjalanan berjam-jam. Lebih menarik lagi, teknologi *wearable* kini mula digabungkan dengan kecerdasan buatan untuk meramal risiko penyakit seperti strok atau serangan jantung sebelum gejala klinikal muncul.

Dari sudut pendidikan, konsep bilik darjah tanpa sempadan tercapai melalui rangkaian tanpa wayar. Pelajar di kampung boleh mengakses perpustakaan digital universiti terkemuka dunia, mengikuti kursus dalam talian secara langsung, dan bekerjasama dengan rakan sebaya dari negara lain.

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia tidak lama dahulu menjadi bukti kepentingan teknologi ini; apabila sekolah dan universiti ditutup, pembelajaran jarak jauh melalui Wi-Fi dan rangkaian 4G menjadi penyelamat kepada sistem pendidikan global.

Cabaran penggunaan teknologi tanpa wayar

Namun, setiap kemajuan pasti datang dengan cabaran. Isu keselamatan siber menjadi kebimbangan utama kerana data yang dihantar melalui udara lebih mudah dipintas berbanding kabel fizikal. Penggodam boleh mengeksploitasi kelemahan pada penghalang Wi-Fi atau sambungan Bluetooth untuk mencuri maklumat peribadi. Selain itu, pendedahan berpanjangan kepada gelombang radio frekuensi radio menimbulkan kebimbangan kesihatan walaupun bukti saintifik setakat ini masih belum muktamad. Kepadatan peranti tanpa wayar juga menyebabkan gangguan frekuensi, terutamanya di kawasan padat penduduk seperti kondominium atau pusat bandar.

Kelebihan teknologi tanpa wayar sudah pasti mengatasi kekurangannya. Mobiliti yang ditawarkan membebaskan manusia daripada kekangan fizikal. Dalam perniagaan, pekerja boleh bekerja dari rumah, dari kafe, atau dari pesawat sekalipun dengan sambungan yang stabil. Sektor logistik menggunakan RFID dan GPS tanpa wayar untuk mengesan penghantaran barang secara langsung. Malah dalam industri hiburan, penstriman video definisi tinggi tanpa wayar sudah menjadi

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ihsan Freepik

kebiasaan, dengan platform seperti Netflix dan YouTube bergantung sepenuhnya pada infrastruktur ini.

Masa depan teknologi tanpa wayar kelihatan semakin menarik dengan pengembangan rangkaian 5G dan persiapan awal ke arah 6G. Kelajuan ultra tinggi dan kependaman ultra rendah 5G membolehkan aplikasi seperti pembedahan jarak jauh menggunakan robot, kenderaan autonomi yang berkomunikasi antara satu sama lain, dan realiti tambahan yang mengasyikkan. Teknologi wayar optik Li-Fi yang menggunakan cahaya tampak untuk menghantar data juga sedang dalam pembangunan, menawarkan kelajuan yang berpotensi mengatasi Wi-Fi sedia ada.

Kesimpulan

Kesimpulannya, teknologi tanpa wayar bukan lagi sekadar alat tambahan tetapi tulang belakang kepada masyarakat digital. Ia memacu inovasi, memudahkan kehidupan, dan menghubungkan dunia dengan cara yang tidak pernah kita bayangkan sebelumnya. Namun, kita perlu bijak dalam menggunakannya - melindungi data peribadi, mengamalkan etika digital, dan sentiasa mengimbangi kelebihan teknologi dengan nilai kemanusiaan. Hanya dengan itu, dunia tanpa wayar akan menjadi dunia yang lebih maju, selamat, dan sejahtera untuk semua.





Peliharaan kelestarian alam sekitar

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

HARI Alam Sekitar Sedunia yang disambut pada 5 Jun setiap tahun adalah satu platform antarabangsa bagi penganjuran program-program kesedaran awam yang disambut oleh lebih 100 negara di seluruh dunia.

Hari Alam Sekitar Sedunia yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam perihal kepentingan menjaga alam sekitar dan menggalakkan penglibatan tindakan semua lapisan masyarakat untuk melindungi alam sekitar dan memelihara kemampuannya.

Ianya juga berperanan sebagai hari istimewa untuk masyarakat melakukan sesuatu yang positif untuk alam sekitar dan seterusnya memberi inspirasi kepada orang lain bagi mendapatkan impak positif yang lebih tinggi secara keseluruhan.

Secara global, Hari Alam Sekitar Sedunia 2026 memberi tumpuan kepada perubahan iklim. Isyarat sudah ada antaranya banjir laut yang meningkat, kebakaran hutan yang dahsyat, gelombang panas dan sebagainya.

Alam sekitar menghadapi banyak cabaran daripada perubahan iklim, pencemaran dan sisa buangan. Setiap tindakan kecil, seperti tidak membuang sampah sembarangan, mengasingkan sisa, mengumpul bateri lama mengikut peraturan atau menanam lebih banyak pokok, menyumbang kepada penciptaan perubahan positif untuk alam sekitar dan komuniti.

Perlindungan alam sekitar bukanlah tanggungjawab mana-mana organisasi atau individu, tetapi memerlukan usaha kolektif seluruh masyarakat. Mengubah persepsi dan membentuk tabiat hidup hijau dalam komuniti adalah faktor penting dalam mencapai

pembangunan mampan.

Aktiviti para sukarelawan seperti mengadakan kempen kebersihan boleh mendidik dan membimbing orang ramai secara langsung tentang cara mengasingkan sisa, mengurangkan penggunaan produk plastik guna sekali guna dan membina tabiat mesra alam dalam kehidupan seharian mereka.

Matlamat kempen setentunya bukan sekadar membersihkan alam sekitar dalam satu hari, tetapi ia juga bertujuan untuk membina kesedaran dan tanggungjawab dalam kalangan warga terhadap alam sekitar mereka. Bukan sekadar jumlah sampah yang dikutip atau bilangan jalan yang dibersihkan, tetapi perubahan dalam kesedaran dan tindakan masyarakat terhadap alam sekitar. Semua kegiatan ini dapat menjadikan alam sekitar yang hijau, bersih dan indah.

Inisiatif NBD

Terdapat beberapa inisiatif Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk mencapai alam sekitar yang berdaya tahan yang menyokong Wawasan Brunei 2035 dan Agenda 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pembangunan Mampan. Dalam bidang pengurusan sisa dan ekonomi keliling (*circular economy*), NBD terus memajukan usaha ke arah pengurusan sisa mampan melalui tiga strategi utama: Pengurangan sisa buangan melalui 3R (Reduce, Reuse, Recycle), kesedaran dan pemeraksanaan awam, dan penggunaan teknologi 'Waste to Resource'.

Antara lain inisiatif-inisiatif yang sedang berjalan termasuk Inisiatif Eco Food Waste, Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik, Inisiatif Bebas Botol Plastik, Kempen Kebersihan Senegara Coastal Marvel, Hari Kitar Semula Senegara dan Kempen

Bawah Barang Guna Semula Awda.

Mengenai perubahan iklim dan kemampan, NBD telah melakar hala tuju yang jelas ke arah pengurangan 20 peratus dalam pelepasan gas rumah hijau menjelang 2030 berbanding tahap 'Business as Usual' bagi pelepasan *net zero* menjelang 2050 melalui arahan pelaporan gas rumah hijau mandatori yang telah mengukuhkan kapasiti MRV kebangsaan.

Di samping itu, NBD kekal komited untuk melibatkan belia melalui inisiatif-inisiatif disasarkan ke arah penglibatan golongan muda di setiap peringkat, termasuk program BELIA BRUNAS melalui fasa YouLEARN dan YouGAIN, Inisiatif Green Schools dan Program STEAM Outreach.

NBD juga terus menjaga biodiversiti negara di mana 41 peratus telah ditetapkan bagi perlindungan dan pemuliharaan global, komited kepada rangka kerja Biodiversiti Global Kunming Montreal serta mengesahkan komitmen untuk menanam 500,000 pokok baharu menjelang 2035.

Hutan memberi manfaat kepada alam sekitar

NBD amat bertuah kerana diiktiraf sebagai sebuah negara 'High Forest Cover, Low Deforestation' dengan hutan tropika luas yang terus memberikan manfaat besar dari segi alam sekitar, sosial dan ekonomi.

Hutan-hutan di negara ini memainkan peranan penting dalam pemuliharaan biodiversiti, daya tahan iklim, kawal selia air dan penyimpanan karbon termasuk dalam ekosistem hutan paya gambut dan bakau.

Aset semula jadi tersebut merupakan teras kepada keutamaan pembangunan kebangsaan NBD dan secara langsung menyokong komitmen negara di bawah Dasar Perhutanan Negara Brunei

Darussalam, Perjanjian Paris, Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan Brunei (BNCCP) serta Wawasan Brunei 2035 khususnya berkaitan kelestarian alam sekitar dan kepelbagaian ekonomi mampan.

Apa yang penting, kerajaan NBD melihat pembangunan kesiapsiagaan pasaran karbon hutan sebagai sebahagian daripada hala tuju dasar nasional yang lebih luas di bawah strategi perhutanan negara dan pemuliharaan biodiversiti, BNCCP serta Wawasan Brunei 2035.

Oleh itu, inisiatif ini akan menyokong usaha berterusan ke arah mempertingkatkan pengurusan hutan secara mampan, memperkukuhkan tadbir urus iklim dan memajukan ekonomi yang berdaya tahan serta pelbagai.

Hutan-hutan di NBD dipelihara menerusi pandangan jauh, tadbir urus yang teliti serta komitmen negara terhadap pemeliharaan dan pengurusan alam sekitar.

Kesimpulan

Daripada menjaga kebersihan di rumah dan tempat kerja, hinggalah menggalakkan ahli keluarga untuk melakukan perkara yang sama, semua orang boleh menyumbang kepada pembinaan persekitaran hidup yang lebih hijau.

Melalui tindakan kecil tetapi praktikal, aktiviti kempen-kegiatan kebersihan telah menyumbang kepada penyebaran mesej kehidupan hijau, kehidupan yang bertanggungjawab, dan memberi inspirasi kepada semangat tindakan komuniti dalam kalangan masyarakat. Ini membantu mengekalkan alam sekitar yang bersih dan cantik serta bebas sampah, hijau, bersih, dan indah untuk pembangunan mampan pada masa hadapan.



JIPK LAKSANAKAN 4 OPERASI PENGUAT KUASA UNDANG-UNDANG

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Jun. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Bandar Seri Begawan dan Cawangan Kuala

Belait telah melaksanakan empat operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Kakas JIPK 2026 yang menyasarkan kepada beberapa buah lokasi di Negara Brunei Darussalam (NBD), baru-baru

ini. Operasi Kakas 55 / 2026 telah menyasarkan Taman Permainan Kanak-kanak di Mukim Berakas 'A' manakala Operasi Kakas 56 / 2026 menyasarkan rumah-rumah sewa di Mukim Kianggeh dan Operasi Kakas 57 / 2026 pula menyasarkan di kawasan Rumah Sewa di Mukim Kota Batu dan akhir sekali, Operasi Kakas 59 / 2026 memfokuskan kawasan persekitaran di Mukim Belait.

Daripada keempat-empat operasi tersebut, 38 warganegara asing telah diperiksa dan tujuh orang daripadanya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan-kesalahan tertentu.

Kesalahan-kesalahan tersebut ialah Bab 15 (1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini; Bab 55 (4) (a) (b) (c), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu gagal untuk mengemukakan sebarang dokumen yang sah; Peraturan 15 (2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu tidak bekerja dengan majikan asal dan akhir sekali, Peraturan 15 (3),

Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport.

Bagi sebarang maklumat kesalahan di bawah JIPK, sila

hubungi talian Hotline Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



OPERASI Kakas 55 / 2026 Operasi Kakas 56 / 2026, Operasi Kakas 57 / 2026, Operasi Kakas 59 / 2026, yang telah dijalankan baru-baru ini mendapati beberapa kesalahan, tujuh orang daripada 38 warganegara asing telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan-kesalahan tertentu (kiri dan atas).

7 ditahan berhubung kes kecurian kabel



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Jun. - Daerah Polis Brunei Muara (DPBM), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah berjaya menahan tujuh warganegara tempatan bagi membantu siasatan berhubung beberapa laporan kes kecurian kabel. Tangkapan telah dibuat baru-baru ini di beberapa lokasi berasingan hasil tindakan susulan dan siasatan yang dijalankan oleh DPBM dengan kerjasama anggota-anggota Special Duties

PARA suspek yang terdiri daripada lima lelaki dan dua wanita berusia antara 32 hingga 43 tahun, bersama barang bukti termasuk peralatan pemotong kabel, telah ditahan dan dirampas bagi tujuan siasatan (kiri dan bawah kiri).

(SD), Balai Polis Bandar Seri Begawan serta Balai Polis Berakas.

Siasatan awal mendapati beberapa suspek mengaku terlibat dalam kegiatan tersebut, termasuk merosakkan dan mencuri kabel tembaga (*copper cable*) yang dipercayai dijual semula untuk memperoleh keuntungan. Siasatan turut mendapati terdapat beberapa individu lain yang dipercayai terlibat dalam membantu proses pengupasan kabel berkenaan.

Kesemua suspek yang terdiri daripada lima lelaki dan dua wanita berusia antara 32 hingga 43 tahun, bersama barang bukti termasuk peralatan pemotong kabel, telah ditahan dan dirampas bagi tujuan siasatan.

Kes tersebut sedang disiasat di bawah Seksyen 380 dan Seksyen 427 Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22). Siasatan lanjut masih diteruskan bagi mengenal pasti kemungkinan penglibatan suspek dalam beberapa kes kecurian kabel lain yang pernah dilaporkan.

PPDB memandang serius kegiatan kecurian kabel kerana perbuatan tersebut bukan sahaja mengakibatkan kerugian kepada pemilik harta benda, malah boleh menjejaskan kemudahan dan perkhidmatan awam.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kegiatan jenayah seumpama ini diseru untuk menyalurkannya kepada pihak polis melalui balai polis berdekatan atau Talian Kecemasan Polis, 993.



Rumah terbakar, tiada kecederaan dilaporkan



SATU kejadian kebakaran rumah telah berlaku di kawasan Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba baru-baru ini, di mana api besar membakar keseluruhan tingkat atas rumah jenis 2 tingkat tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

KAMPUNG RIMBA, Khamis, 4 Jun. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) telah menerima panggilan kecemasan berikutan kejadian kebakaran rumah yang berlaku di kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba, baru-baru ini.

Sehubungan itu, JBP telah mengarahkan seramai 13 orang anggota dan dua buah jentera dari Balai Bomba Rimba dan dikerahkan ke lokasi kejadian. Gerakan kecemasan tersebut diketuai oleh Timbalan Pegawai Balai, Pengiran Mazidi bin Pengiran Haji Sarudin.

Sejurus sahaja sampai di lokasi kejadian, anggota JBP mendapati api besar membakar keseluruhan tingkat atas rumah jenis 2 tingkat di mana kesemua penghuni telah pun keluar dengan selamat sebelum ketibaan anggota JBP.

Ahli-ahli JBP bertindak dengan satu pasukan memakai set alat pernafasan memadamkan kebakaran dengan menggunakan tiga jet hos 64mm ke 38mm dan api dapat dikawal dalam masa 3 minit.

Dalam kejadian tersebut, tidak ada kemalangan jiwa dilaporkan dan punca kebakaran serta anggaran kerugian masih dalam siasatan.

Antara Pegawai JBP yang hadir pada kejadian tersebut ialah Timbalan Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'C' Penguasa Bomba, Ajahrin bin Awang Mail bersama Stesen Komander Balai Bomba Rimba, Pegawai Balai, Awang Haji Mohammad Noor bin Haji Ahad.



11 PELOMBONG EMAS MAUT DALAM TANAH RUNTUH DI TIMUR MADAGASCAR

LUSAKA (Zambia), 4 Jun. - Sebelas pelombong emas secara kecil-kecilan maut dalam kejadian tanah runtuh di sebuah lombong di

timur Madagascar, lapor Anadolu Ajansi (AA), memetik pihak berkuasa pada Rabu.

Siasatan awal mendapati mangsa sedang bekerja semalaman ketika

tanah runtuh berlaku di sebuah tapak perlombongan di Vatamandry, sekali gus menyukarkan operasi menyelamat.

"Pihak berkuasa sedang

berusaha menentukan keadaan sebenar kejadian tanah runtuh itu. Datuk Bandar bandar berkenaan telah mengarahkan penutupan segera tapak itu bagi menghalang

sebarang aktiviti perlombongan lanjut serta mengurangkan risiko kejadian lain," lapor L'Express de Madagascar pada Rabu. - ©BERNAMA

EU, WHO tingkat sokongan terhadap tindak balas Ebola di DR Congo, Uganda

OSLO, 3 Jun. - Kesatuan Eropah (EU) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memperkukuh kerjasama bagi menyokong tindak balas terhadap penularan Ebola yang sedang berlaku di Republik Demokratik Congo (DRC) dan Uganda, menurut Pejabat Serantau WHO untuk Eropah (WHO Europe) pada Selasa.

Kerjasama itu bertujuan membantu pihak berkuasa negara

terbabit membendung penularan dengan pantas, melindungi komuniti serta memperkukuh kesiapsiagaan serantau, menurut WHO Europe yang berpangkalan di Copenhagen dalam satu kenyataan, lapor Xinhua.

Dengan sokongan EU, WHO sedang memperluas tindakan bersepadu meliputi pengawasan, pencegahan dan kawalan jangkitan, libat urus komuniti serta

kesinambungan perkhidmatan kesihatan penting melalui kerjasama rapat dengan pihak berkuasa negara dan rakan kongsi.

EU memperuntukkan 15 juta euro (US\$17.44 juta) dalam bentuk pembiayaan kemanusiaan bagi menyokong operasi kecemasan di kawasan terjejas, selain usaha kesiapsiagaan dan pencegahan di negara jiran DRC

dan Uganda.

Daripada jumlah itu, 5 juta euro (US\$5.81 juta) diperuntukkan kepada WHO, menurut kenyataan itu.

EU turut melancarkan operasi Jambatan Udara Kemanusiaan bagi menghantar 100 tan metrik bekalan kecemasan ke timur DRC termasuk kit pengumpulan

sampel, serta menambah kapasiti pasukan pakar di lapangan.

EU dan WHO memaklumkan bahawa mereka akan terus bekerjasama untuk mengawal penularan wabak itu dan memperkukuh daya tahan terhadap kecemasan kesihatan pada masa depan. - ©BERNAMA

Kempen antidadah empat negara banteras perdagangan dadah Asia Tenggara

PHNOM PENH, 3 Jun. - Kerjasama berempat, melibatkan Republik Sosialis Viet Nam, Republik Rakyat China, Republik Demokratik Rakyat Lao dan Republik Kesatuan Myanmar, akan melaksanakan kempen antidadah besar-besaran selama tiga bulan untuk menghapuskan penyeludupan rentas sempadan di rantau Asia Tenggara.

Peningkatan penyeludupan narkotik dan prekursor kimia serta pengeluaran dadah, terus membebankan kerajaan serantau dalam usaha memastikan bandar dan sempadan mereka selamat.

Kerjasama serantau itu dibentuk beberapa minggu selepas pihak berkuasa Republik Sosialis Viet Nam merampas 50 tan kafein yang dipercayai digunakan untuk pengeluaran ubat sintetik pada Mei.

Sindiket transnasional itu didakwa diterajui seorang profesor farmasi Republik Sosialis Viet Nam, menurut laporan media.

"Empat negara jiran yang berkongsi sempadan dan memegang lokasi strategik penting

di rantau ini menghadapi kesan langsung daripada aktiviti jenayah dadah yang semakin kompleks," kata Timbalan Menteri Keselamatan Awam Vietnam Kanan Lt. Jen Nguyen Van Long, lapor Vietnam News pada Selasa.

Operasi itu diumumkan di ibu negara Republik Sosialis Viet Nam, Hanoi, pada 2 Jun.

Kempen akan berlangsung dari 15 Jun hingga 15 September di wilayah dan bandar sempadan di keempat-empat negara.

Walaupun usaha serantau dan antarabangsa, bersama-sama Pejabat Dadah dan Jenayah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNODC), gejala dadah meningkat di Asia Tenggara, mengancam keamanan dan keselamatan ekonomi.

Republik Sosialis Viet Nam mengendalikannya 21,998 kes berkaitan dadah dan menahan 44,354 suspek tahun lepas selain merampas heroin, kanabis serta dadah sintetik daripada pesalah, menurut Vietnam News.

Tahun lepas, UNODC melaporkan 236 tan methamphetamine telah dirampas di Asia Timur dan Tenggara pada 2024, peningkatan 24 peratus berbanding 2023.

"236 tan itu hanya mewakili jumlah yang dirampas; lebih banyak methamphetamine sebenarnya sampai ke pasaran," kata Pemangku Wakil Wilayah UNODC untuk Asia Tenggara dan Pasifik Benedikt Hofmann.

"Walaupun rampasan ini sebahagiannya mencerminkan usaha penguatkuasaan undang-undang yang berjaya, kami melihat tahap pengeluaran dan pendedaran methamphetamine yang ketara yang belum pernah berlaku sebelum ini daripada Segi Tiga Emas, khususnya Negeri Shan," kata Hofmann pada Mei tahun lalu, menurut laman web agensi itu.

Segitiga Emas bersempadan dengan kawasan pergunungan Republik Demokratik Rakyat Lao, Thailand dan Republik Kesatuan Myanmar. - ©BERNAMA

Jangka hayat penduduk Republik Singapura meningkat kepada 83.9 tahun pada 2025 – SingStat

SINGAPURA, 3 Jun. - Jangka hayat bagi penduduk Republik Singapura meningkat kepada 83.9 tahun pada 2025 berbanding 83.7 tahun pada tahun sebelumnya, menurut Jabatan Perangkaan republik itu (SingStat) pada Rabu.

Dalam laporannya bertajuk 'Complete Life Tables for Singapore Resident Population, 2024-2025', SingStat berkata jangka hayat terbaharu itu menunjukkan peningkatan 1.0 tahun berbanding 82.9 tahun yang direkodkan pada 2015.

Menurut SingStat, jangka hayat bagi lelaki dan wanita ketika lahir pada 2025 masing-masing ialah 81.8 tahun dan 86.0 tahun, meningkat 0.3 tahun bagi lelaki dan 0.2 tahun bagi wanita berbanding 2024.

Dalam tempoh sedekad lepas, jangka hayat lelaki meningkat 1.3 tahun daripada 80.5 tahun pada 2015, manakala jangka hayat wanita meningkat 0.9 tahun daripada 85.1 tahun.

"Penduduk berusia 65 tahun pada 2025 dijangka boleh hidup sehingga umur 86.6 tahun, meningkat 0.2 tahun berbanding 2024 dan 0.8 tahun berbanding 2015.

"Secara purata, penduduk lelaki berusia 65 tahun pada 2025 dijangka boleh hidup sehingga umur 84.9 tahun, meningkat 1.0 tahun berbanding 2015, manakala penduduk wanita berusia 65 tahun dijangka boleh hidup sehingga umur 88.1 tahun, meningkat 0.8 tahun berbanding 2015," menurut SingStat. - ©BERNAMA

Republik Indonesia perluas saringan kesihatan, cegah penyakit hati

JAKARTA, 3 Jun. - Republik Indonesia memperluas program saringan kesihatan percuma kebangsaan, menasaskan 136 juta orang menjelang akhir tahun sebagai sebahagian usaha memerangi peningkatan kes penyakit hati dan kanser, lapor Xinhua.

Menteri Kesihatan Budi Gunadi Sadikin berkata pada Selasa, sasaran baharu itu hampir menggandakan sasaran sebelumnya iaitu 70 juta saringan dan bertujuan meningkatkan pengesanan dan rawatan jangkitan hepatitis.

"Sasarannya ialah 90 peratus, tetapi pada masa ini hanya 10 peratus telah dicapai," kata Budi, merujuk pada sasaran Pertubuhan Kesihatan Sedunia untuk saringan Hepatitis 'B' dan 'C'.

Beliau berkata kerajaan bercadang untuk memperkukuh pengesanan awal menerusi pusat kesihatan masyarakat dengan melatih pengamal am untuk mengenal pasti keadaan seperti fibrosis hati dan penyakit hati berlemak pada peringkat awal. Peralatan ultra bunyi sedia ada di klinik tempatan juga akan digunakan untuk pemeriksaan lanjutan.

"Sekiranya ia dikesan awal, daripada menunggu sehingga sirosis, kita boleh segera memberikan rawatan sebaik sahaja fibrosis muncul," kata Budi.

Beliau menambah kos tinggi ubat hepatitis kekal menjadi cabaran, dengan harga di Republik Indonesia masih jauh melebihi penanda aras antarabangsa.

Inisiatif berkenaan adalah sebahagian usaha kerajaan untuk mengubah dasar penjagaan kesihatan ke arah penjagaan pencegahan dan intervensi awal. - ©BERNAMA

Taufan bawa hujan lebat ke Tokyo selepas melanda barat Jepun

TOKYO, 3 Jun. - Taufan Jangmi membawa hujan lebat ke kawasan metropolitan Tokyo pada Rabu, menyebabkan sungai mencecah paras bahaya serta mengganggu penerbangan dan kereta api, selepas terdahulu melanda bahagian selatan Wilayah Wakayama di barat Jepun, lapor Kyodo News.

Taufan keenam musim ini itu menimbulkan kebimbangan banjir di wilayah berkenaan di mana ia mendarat sekitar 4.30 pagi.

Agensi cuaca turut mengeluarkan amaran bahaya banjir tahap 5 tertinggi untuk Sungai Koza, mengatakan ia mula melimpahi tebing, sebelum pihak berkuasa tempatan menarik balik langkah keselamatan kecemasan untuk kawasan hiliran pada 8.50 pagi.

Ketua Setiausaha Kabinet

Minoru Kihara berkata pada sebelah pagi kerajaan telah menerima laporan mengenai jalan raya yang dinaiki air, pokok tumbang dan tanah runtuh dari Kyushu ke wilayah Kanto, termasuk Tokyo, ketika taufan itu membawa hujan lebat di kawasan yang luas.

Setakat 6 pagi, 15 orang mengalami kecederaan ringan di Wilayah Okinawa dan enam rumah rosak, katanya.

Hujan lebat berterusan di kawasan metropolitan Tokyo pada sebelah pagi dan pihak berkuasa mengeluarkan amaran bahaya banjir untuk beberapa sungai di ibu negara.

Amaran itu bermakna orang ramai di kawasan berbahaya harus bersedia untuk berpindah dan mungkin perlu menyelamatkan diri sebelum

pihak berkuasa tempatan mengeluarkan arahan berpindah.

Agensi Meteorologi Jepun dan pihak berkuasa tempatan juga mengeluarkan amaran bahaya tanah runtuh untuk sebahagian Tokyo, termasuk Shinagawa, manakala amaran hujan lebat dikeluarkan untuk Tokyo serta wilayah jiran Chiba dan Kanagawa, antara kawasan lain. Japan Airlines dan All Nippon Airways membatalkan semua penerbangan domestik pagi di lapangan terbang Haneda Tokyo, serta beberapa penerbangan antarabangsa.

Beberapa perkhidmatan kereta api ekspres terhad JR yang menghubungkan kawasan Tokyo dengan wilayah lain turut dihentikan operasi sementara. - ©BERNAMA

BERUANG SERANG EMPAT INDIVIDU LOLOS DARI KILANG DI FUKUSHIMA



FUKUSHIMA, 5 Jun. - Seekor beruang yang bersembunyi di dalam sebuah kilang syarikat elektronik di Fukushima selepas menyerang empat individu, berjaya meloloskan diri dipercayai dengan membuka sendiri selak tingkap, lapor Kyodo News memetik pegawai bandar raya pada Khamis.

Beruang itu dipercayai melarikan diri pada malam Rabu ketika pihak berkuasa sedang bersiap sedia melaksanakan langkah pemburuan kecemasan, termasuk membenarkan penggunaan senjata api oleh pihak perbandaran.

Sehubungan itu, penduduk di kawasan terbabit diminta terus berwaspada.

Menurut pegawai bandar raya,

seorang anggota polis yang memantau kawasan kilang melihat beruang itu memanjat pagar kira-kira 10.50 malam Rabu.

Pemeriksaan di kilang Oki Sympho-Tech Co. menemukan koyakan pada jaring tingkap serta beberapa kesan lain, menunjukkan haiwan itu mungkin keluar melalui tingkap selepas membuka penguncinya dan menolak tingkap berkenaan.

"Kami turut melihat beruang itu meletakkan kedua-dua kaki hadapannya pada paip air untuk minum. Kami percaya haiwan itu sangat bijak," kata Datuk Bandar Fukushima Yuki Baba pada sidang media.

Pihak bandar raya sebelum itu memasang empat perangkap di kilang berkenaan dan

membenarkan penggunaan senapang pelali kerana terdapat bahan mudah terbakar di lokasi itu.

Beruang itu ditembak dengan anak panah pelali, namun pemeriksaan kemudian mendapati bahan pelali tidak berjaya masuk ke dalam badannya.

"Bukan kerana kami mengabaikan usaha menangani situasi itu, tetapi kami tetap kesal dengan kejadian beruang itu meloloskan diri," kata Baba.

Operasi menjejaki haiwan itu menggunakan dron bermula pada petang Khamis, manakala sekolah rendah dan menengah rendah berhampiran beralih kepada pembelajaran dalam talian.

Pelajar dijadualkan kembali mengikuti kelas secara bersemuka

pada Jumaat.

Menurut pihak berkuasa, beruang itu memasuki premis pengeluar komponen Fukushima Steel Works Co. di kawasan Sasakino kira-kira 6.30 pagi Selasa dan menyerang dua pekerja.

Haiwan itu kemudian menyerang seorang individu di sebuah kediaman berhampiran sebelum

menyerang seorang lagi di Oki Sympho-Tech.

Secara keseluruhan, empat lelaki dan wanita berusia antara 20-an hingga 80-an cedera dalam serangan itu, termasuk mengalami patah tulang muka, namun tiada kecederaan yang mengancam nyawa. - ©BERNAMA

Gelombang haba landa Republik Rakyat Bangladesh, empat kematian dilaporkan

DHAKA, 5 Jun. - Jabatan Meteorologi Bangladesh pada Khamis memaklumkan gelombang haba yang menjejaskan sebahagian besar negara itu dijangka berlarutan, ketika angka kematian disyaki akibat strok haba meningkat kepada empat dalam tempoh empat hari lepas, lapor Xinhua.

Jabatan Meteorologi Bangladesh (BMD) memaklumkan gelombang haba itu menjejaskan enam daripada lapan bahagian pentadbiran negara berkenaan, termasuk ibu negara Dhaka.

Ahli meteorologi di Pusat Amaran Ribut BMD, Abdul Hamid memberitahu Xinhua bahawa terdapat kemungkinan gelombang haba hingga tahap ekstrem berlaku pada akhir bulan ini, dengan suhu maksimum mencecah sehingga 40 darjah Celsius di beberapa kawasan.

Di Dhaka, suhu meningkat kepada 36.8 darjah Celsius pada Khamis.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, bencana alam seperti banjir dan gelombang haba akibat cuaca ekstrem susulan

perubahan iklim menyebabkan Republik Rakyat Bangladesh yang mempunyai kira-kira 170 juta penduduk lebih kerap dilanda bencana berbanding kebiasaan.

Pakar berkata gelombang haba berkemungkinan menjadi lebih teruk pada tahun-tahun akan datang disebabkan taburan hujan yang tidak menentu dan suhu tinggi, sekali gus memberi ancaman kepada Bangladesh, antara negara yang paling terjejas akibat pemanasan global. - ©BERNAMA

Wadepuhl tolak gesaan potong dana selepas Republik Persekutuan Jerman gagal peroleh kerusi UNSC

MEXICO CITY, 5 Jun. - Menteri Luar Republik Persekutuan Jerman, Johann Wadepuhl menolak gesaan supaya dana Republik Persekutuan Jerman kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dikurangkan selepas negara itu gagal memperoleh kerusi dalam Majlis Keselamatan PBB (UNSC), lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Bercakap kepada wartawan ketika lawatan ke Mexico City pada Khamis, Wadepuhl berkata bahawa Republik Persekutuan Jerman perlu kekal komited terhadap PBB seperti sebelum ini.

Beliau turut menyatakan bahawa keputusan Republik Persekutuan Jerman berhubung tahap

pembiayaan kepada PBB terletak di tangan Parlimen.

Wadepuhl berkata PBB kekal sebagai institusi antarabangsa utama dalam mempromosikan keamanan, hak asasi manusia dan keselamatan antarabangsa, sambil menegaskan Republik Persekutuan Jerman akan terus terlibat dalam sistem PBB.

Beliau berkata tiada institusi yang mempunyai kewibawaan lebih besar berbanding PBB dalam menyelesaikan krisis dan konflik.

Kenyataan Wadepuhl dibuat selepas Menteri Negeri bagi Hal Ehwil Antarabangsa di negeri Hesse, Manfred Pentz mencadangkan Republik

Persekutuan Jerman boleh mempertimbangkan untuk mengurangkan sumbangan kewangannya kepada PBB susulan kegagalan memperoleh kerusi UNSC.

Republik Persekutuan Jerman tewas kepada Austria dan Portugal dalam pemilihan Perhimpunan Agung PBB pada Rabu.

Negara itu sebelum ini pernah berkhidmat selama enam penggal dalam UNSC, yang terbaharu pada 2019-2020.

Ini kali pertama Republik Persekutuan Jerman gagal dalam usahanya mendapatkan kerusi tidak tetap dalam majlis 15 anggota itu. - ©BERNAMA

Presiden Republik Korea Selatan lawat Eropah, hadiri Sidang Kemuncak G7 di Republik Perancis

SEOUL, 5 Jun. - Presiden Republik Korea Selatan, Lee Jae Myung akan mengadakan lawatan ke Eropah bulan ini bagi menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan Tujuh (G7) di Republik Perancis, lapor Agensi Berita Yonhap, memetik seorang pegawai kanan presiden pada Jumaat.

Lawatan Lee akan berlangsung dari Selasa hingga 18 Jun ini dan merangkumi kunjungan ke Belgium, Republik Itali dan Vatican, menurut Penasihat Keselamatan Negara Wi Sung-lac.

Kehadiran Lee ke Sidang Kemuncak G7 yang dijadual berlangsung dari 15 hingga 17 Jun

adalah atas jemputan kumpulan berkenaan, kata Wi dalam satu sidang media.

Bagi destinasi pertama lawatan itu, Lee akan melawat Brussels dari Selasa hingga Rabu dan mengadakan sidang kemuncak secara berasingan dengan pemimpin Belgium serta Kesatuan

Eropah (EU), kata penasihat keselamatan itu.

Dari Jumaat depan hingga Sabtu, Lee akan mengadakan lawatan negara ke Republik Itali atas undangan Presiden Sergio Mattarella serta mengadakan sidang kemuncak dengannya, diikuti dengan perbincangan

bersama Perdana Menteri Giorgia Meloni.

Bagi destinasi ketiga lawatan itu, Lee akan melawat Vatican dari 14 hingga 15 Jun dan bertemu dengan Paus Leo XIV sebelum menghadiri Sidang Kemuncak G7 dari 16 hingga 17 Jun, menurut pegawai presiden berkenaan. - ©BERNAMA

Tiga maut dihempap kren di Republik India

NEW DELHI, 5 Jun. - Sekurang-kurangnya tiga pekerja maut selepas sebuah kren menimpa mereka ketika cuaca buruk di negeri Haryana, utara Republik India, menurut seorang pegawai tempatan pada Jumaat, lapor Xinhua.

Kejadian dilaporkan berlaku di kawasan Faridabad, lokasi pembinaan sebuah jambatan bagi menghubungkan kawasan berkenaan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Noida yang baharu dibina di Jewar, negeri Uttar Pradesh.

Insiden berlaku pada petang Khamis ketika hujan lebat. Tapak pembinaan yang berlumpur dan licin menyebabkan sebuah kren besar tiba-tiba tumbang lalu menghempap sebuah kontena yang menempatkan beberapa pekerja binaan.

Seorang pekerja berjaya diselamatkan, manakala tiga lagi maut di tempat kejadian. - ©BERNAMA

Syarikat Oman nafi laporan penghantaran minyak mentah di Mina Al-Fahal dihentikan

ISTANBUL, 5 Jun. - Syarikat penerokaan dan pengeluaran minyak terkemuka Oman memaklumkan operasi di Pelabuhan Mina al-Fahal masih "berjalan seperti biasa", lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik Agensi Berita Oman pada Jumaat.

Petroleum Development Oman menafikan laporan bahawa aktiviti pemuatan minyak mentah di pelabuhan itu dihentikan susulan dakwaan serangan dron, menurut agensi berita berkenaan.

Penafian itu dibuat selepas beberapa media melaporkan pada awal hari berkenaan bahawa Oman menghentikan pemuatan minyak mentah di Mina al-Fahal susulan letupan berhampiran kawasan boya tambatan.

Setakat ini, pihak berkuasa Oman belum mengesahkan sama ada serangan itu benar-benar berlaku atau mengenal pasti punca kejadian berkenaan. - ©BERNAMA

AS kenakan sekatan terhadap Presiden Cuba

NEW YORK, 5 Jun. - Amerika Syarikat (AS) pada Khamis mengenakan sekatan terhadap Presiden Cuba Miguel Diaz-Canel serta beberapa individu dan entiti lain, dalam usaha meningkatkan tekanan terhadap negara itu, lapor Xinhua.

Jabatan Perbendaharaan AS menubuhkan Diaz-Canel, empat individu lain dan lima entiti, termasuk Kementerian Angkatan Bersenjata Revolusi Cuba ke dalam Senarai Warganegara yang Ditetapkan Khas, menurut kemas kini yang disiarkan di laman sesawang jabatan itu.

Diaz-Canel, 66, menggantikan Raul Castro sebagai Presiden Cuba pada 2018.

Pada Mei, kerajaan AS mengenakan sekatan terhadap 11 pegawai Cuba dan mendakwa Raul Castro berhubung insiden pada 1996 yang melibatkan pelarian Cuba. - ©BERNAMA



MESRA RIA KAMPUNGKU CERMINKAN PERPADUAN, KEHARMONIAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau

TEMBURONG, Khamis, 4 Jun. - Mesra Ria Kampungku Majlis Perundingan Kampung (MPK) Labu Estate dan Piasau-Piasau disambut dengan meriah sekali gus mencerminkan perpaduan dan keharmonian terjalin menerusi aktiviti buat julung kalinya diadakan di Balai Raya Kampung Labu Estate, Temburong, hari ini.

Aktiviti pagi tersebut dimulakan dengan senamrobik beramai-ramai diikuti dengan acara Walkaton bersama keluarga beramai-ramai di sekitar kawasan Kampung Labu Estate tersebut.

Hadir bagi sama-sama memeriahkan majlis berkenaan, Penghulu Mukim Zon 1, Awang Arbi bin Haji Shahari. Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau serta Ahli Jawatankuasa MPK dan penduduk kampung berkenaan.

Sememangnya pelbagai pertandingan telah diadakan yang melibatkan semua peringkat umur daripada usia kanak-kanak, belia dan juga dewasa tidak ketinggalan mengikut setiap acara sama ada secara individu dan juga berkumpulan.

Kategori Berkumpulan dimenangi oleh Kumpulan Lubuk Teraba diikuti Kumpulan Tok Agong sebagai naib johan serta pemenang ketiga pula bagi Kumpulan Buloh Begalang.

Peraduan Mewarna bagi kanak-kanak berumur 10 tahun ke bawah serta Peraduan Masakan iaitu 'Inovasi Ku dari buah Labu' bagi peserta dewasa perempuan; 'Inovasi Masakan Mi Hon' bagi belia-belie; Peraduan Menumpang Ambuyat bagi dewasa lelaki dan juga 'Inovasi minuman daripada buah Piasau' juga turut diadakan.

Sementara itu, perlawanan acara-acara sukan mini juga diadakan dan dikendalikan oleh setiap kumpulan masing-masing. Meskipun aktiviti kali pertama diadakan namun jelas ia mampu memperkukuh dan mengeratkan silaturahmi sesama keluarga dan para penduduk kampung baik dari yang muda kepada yang dewasa.

Justeru, keharmonian sesebuah kampung dapat dilihat melalui semangat perpaduan yang kukuh dalam kalangan penduduknya. Kepelbagaian aktiviti kampung itu juga menjadi platform dalam terus mempereratkan hubungan



PENGHULU Mukim Zon 1, Awang Arbi bin Haji Shahar hadir memeriahkan acara tersebut. Turut hadir Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

silaturahmi antara penduduk tanpa mengira usia, latar belakang atau pekerjaan.

Melalui penglibatan bersama dalam aktiviti-aktiviti tersebut, nilai kerjasama, toleransi dan saling menghormati dapat dipupuk, sekali gus mewujudkan suasana yang aman, mesra dan harmoni.

Semangat kekitaan yang terjalin bukan sahaja membantu menyelesaikan pelbagai urusan kampung dengan lebih berkesan, malah turut memperkukuhkan perpaduan masyarakat serta menjadikan kampung sebagai tempat yang selesa, selamat dan sejahtera untuk didiami.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Jun. - Semangat setia kawan dan perpaduan utuh antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Selangor, Malaysia terjalin padu setelah berjaya mengukuhkan Kayuhan Persahabatan Dua Negara di Kampung Sijangkang Selangor, baru-baru ini.

Kayuhan persahabatan tersebut telah menghimpunkan 12 penggemar basikal dari NBD yang terdiri daripada Santai-Santai Riders (SSR) dan Oil Town Cycling (OTC). Jalanan ukuhah antara dua negara ini bermula pada tahun 2024, di mana OCS - Otai Cycling Team Sijangkang Selangor yang terdiri daripada lima orang pengayuh basikal memulakan kayuhan berbasikal dari Miri, Sarawak ke NBD dan seterusnya mengikuti aktiviti hujung minggu, Bandarku Ceria.



KAYUHAN Persahabatan Dua Negara di Kampung Sijangkang Selangor tersebut menghimpunkan 12 penggemar basikal dari Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada Santai-Santai Riders dan Oil Town Cycling. Aktiviti tersebut memaparkan semangat ukuhah yang tinggi antara kedua-dua buah negara.

Kayuhan berbasikal eratkan semangat setia kawan

Aktiviti tersebut telah berjaya menghimpunkan para peminat sukan tersebut selama dua hari sekali gus memaparkan semangat ukuhah yang tinggi antara kedua-dua buah negara di mana aktiviti kayuhan berbasikal bermula di Kampung Sijangkang, Selangor.

Pelepasan para peserta kayuhan berbasikal tersebut disempurnakan oleh Penyelaras Dun Sijangkang, Yang Berbahagia Datuk Zurihan bin Yusop. Kayuhan berbasikal sejauh 35km itu mengelilingi kawasan perkampungan dan singgah di Taman Rekreasi Paya Bakau Sijangkang, Selangor, Malaysia yang menyaksikan landskap semula jadi yang

Berita dan Foto : Ihsan Mohd. Husaini Ali Hassan

mendamaikan.

Semasa kayuhan berbasikal tersebut, para peserta juga singgah dan menyantuni anak-anak yatim di Rumah Anak-anak Yatim Tempatan (RAYAS). Ketibaan para peserta telah disambut meriah dengan pukulan gema daripada kumpulan kompang, diikuti dengan persembahan seni silat warisan yang penuh bertenaga oleh anak-anak yatim itu sendiri.

Sebagai tanda keprihatinan, acara diteruskan dengan penyampaian sumbangan ikhlas daripada peminat berbasikal NBD kepada pengurus rumah anak yatim tersebut.

Aktiviti kayuhan berbasikal tersebut diteruskan lagi pada hari kedua sejauh 60km ke kawasan bandar-bandar utama di Selangor. Laluan hari kedua ini bukan sahaja menguji daya tahan fizikal para peserta, malah menyajikan pemandangan mercu tanda ikonik bandar raya. Kemuncak program adalah singgah ke Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, masjid terbesar di negeri berkenaan.

Dengan kejayaan aktiviti ini, ia diharapkan akan dapat menjadi pemangkin kepada lebih banyak kolaborasi sukan, budaya dan kemasyarakatan di antara NBD dan Malaysia pada masa hadapan.

Tahukah Awda

TAMAN Mahkota Jubli Emas mempunyai keluasan 11 hektar. Antara objektif pembinaannya adalah untuk mengurangkan banjir di kawasan tadahan Sungai Kedayan. Taman tersebut mempunyai satu jeti yang dinamakan Jeti Darussalam, terletak di hujung teres dan dihubungkan terus ke pintu masuk Istana Darussalam, iaitu tempat orang ramai yang menggunakan pengangkutan air untuk turun dan naik ke kawasan taman berkenaan. Ia juga dijadikan sebagai warisan memperingati sejarah Istana Darussalam yang merupakan tempat kelahiran Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan tempat baginda dibesarkan.

SUMBER : Pelita Brunei

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA MAHA PENGAMPUN, SENTIASA MEMBUKA PINTU TAUBAT BAGI SESIAPA YANG INGIN KEMBALI KEPADA-NYA